

**PENERAPAN DIDIK HIBUR DI DALAM FILEM ZOMBI  
KAMPUNG PISANG MELALUI KEHIDUPAN  
MASYARAKAT MELAYU SEBAGAI  
PENGAJARAN BERDASARKAN  
KRITIKAN SOSIOLOGI**

**MUHAMMAD HARITH HAIQAL BIN MOHD. HAISHAM**

**C20A1115**

UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

**2024**

KELANTAN



**Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem Zombi Kampung Pisang Melalui Kehidupan Masyarakat Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi**

**Muhammad Harith Haiqal Bin Mohd. Haisham**  
**C20A1115**

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Memperolehi Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

Tandatangan  
Muhammad Harith Haiqal  
Bin Mohd. Haisham

Tarikh: 10/02/2024

---

Tandatangan Penyelia  
Dr. Nordiana Bin Ab. Jabar

Tarikh: 10/02/2024

## PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmanirrahim, syukur ke hadrat ilahi atas segala nikmat dan limpah kurnianya, projek penyelidikan ini telah berjaya disiapkan pada tarikh yang ditetapkan. Saya disini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Nordiana Bint Ab Jabar, selaku penyelia projek penyelidikan yang telah banyak membantu dan memberikan segala tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat sewaktu menjalankan projek penyelidikan. Tidak lupa juga kepada Ts. Dr. Mohd. Saipuddin Bin Suliman selaku pensyarah yang menilai pembentangan bagi projek penyelidikan yang banyak menegur dan memberikan pandangan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Tidak lupa juga kepada semua pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan: Elektif Kesusteraan Warisan iaitu Dr. Mohd Firdaus, Dr. Afidatul, Sir Sudirman, dan Madam Anis yang telah banyak memberikan bantuan dan pandangan yang baik dan berharga.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang tercinta iaitu Umi, Abah, Kak Long, dan adik-adik yang lain) yang tidak pernah jemu dalam memberikan nasihat dan semangat serta sokongan fizikal dan mental sepanjang tempoh saya menyediakan tesis ini.

Projek Penyelidikan ini juga tidak mampu disiapkan jika tiada bantuan dari rakan-rakan seperjuangan saya. Terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya banyak membantu dan tidak jemu membetulkan kesilapan saya dan terus memberikan semangat sewaktu menyiapkan projek penyelidikan ini. Tanpa bantuan mereka saya mungkin tidak akan Berjaya sampai ke tahap yang sekarang.

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	1
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	4
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	6
1.4 PERSOALAN KAJIAN	10
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	10
1.6 SKOP KAJIAN	11
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.8 KESIMPULAN	14
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	15
2.1 PENDAHULUAN	15
2.2 KAJIAN LEPAS BERKENaan DIDIK HIBUR	16
2.2.1 KAJIAN TESIS	16
2.2.2 KAJIAN ARTIKEL/JURNAL	17
2.2.3 KAJIAN BUKU/MAJALAH	21
2.3 KAJIAN LEPAS BERKENaan FILEM ZOMBIE KAMPUNG PISANG	22
2.3.1 KAJIAN TESIS	22
2.3.2 KAJIAN ARTIKEL/JURNAL	23
2.3.3 KAJIAN BUKU/MAJALAH	24

2.4 KAJIAN LEPAS BERKENAAN SOSIOLOGI	24
2.4.1 KAJIAN TESIS	24
2.4.2 KAJIAN ARTIKEL/JURNAL	25
2.4.3 KAJIAN BUKU/MAJALAH	31
 <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	 33
3.1 PENDAHULUAN	33
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	34
3.3 PENGUMPULAN DATA	35
3.3.1 KAEDAH KEPUSTAKAAN	37
3.3.2 ANALISIS DATA	37
3.3.2.1 ARTIKEL/JURNAL/BUKU	39
3.3.2.2 ANALISIS VISUAL	40
3.4 TEORI	41
3.4.1 PENGENALAN TEORI SOSIOLOGI	42
3.4.2 KAEDAH ANALISIS	46
3.4.3 KERANGKA KAJIAN	48
3.4.4 KERANGKA TEORI	49
3.5 PENUTUP	50
 <b>BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	 51
4.1 PENDAHULUAN	51
4.2 KONSEP DIDIK HIBUR YANG TERDAPAT DI DALAM FILEM ZOMBI KAMPUNG PISANG	52
4.2.1 LAKONAN	53
4.2.2 NYANYIAN	56
4.2.3 JENAKA	61
4.2.4 MUZIK	64

4.2.5 UNSUR ESTETIK	67
4.3 KRITIKAN SOSIOLOGI YANG DIPAPARKAN DI DALAM FILEM ZOMBI KAMPUNG PISANG DENGAN KEHIDUPAN MASYARAKAT ZAMAN SEKARANG	70
4.3.1 GEJALA MELEPAK DALAM KALANGAN REMAJA	73
4.3.2 GEJALA MEREMPIT	78
4.3.3 GEJALA VANDALISME	84
4.3.4 GEJALA PEMBUANGAN SISA TOKSIK	90
4.4 DIDIK HIBUR YANG TERDAPAT DI DALAM FILEM ZOMBI KAMPUNG PISANG DIJADIKAN SEBAGAI PENGAJARAN	96
4.4.1 MENGHORMATI LAGU KEBANGSAAN ‘NEGARAKU’	97
4.4.2 MENGHORMATI GOLONGAN YANG LEBIH TUA	100
4.4.3 BUDAYA MEMBERI SALAM	105
<b>BAB 5: RUMUSAN</b>	109
5.1 PENDAHULUAN	109
5.2 RUMUSAN KAJIAN	111
5.3 CADANGAN KAJIAN	114
5.3.1 CADANGAN KEPADA INDIVIDU	114
5.3.2 CADANGAN KEPADA MASYARAKAT	115
5.3.3 CADANGAN KEPADA NEGARA	117
5.4 KESIMPULAN	119
<b>RUJUKAN</b>	120

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1	38
Rajah 2	41
Rajah 3	59
Rajah 4	60
Rajah 5	68
Rajah 6	69
Rajah 7	75
Rajah 8	75
Rajah 9	80
Rajah 10	81
Rajah 11	87
Rajah 12	87
Rajah 13	92
Rajah 14	93
Rajah 15	98
Rajah 16	99
Rajah 17	103
Rajah 18	104
Rajah 19	107

Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem *Zombi Kampung Pisang* Melalui Kehidupan Masyarakat  
Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi

## ABSTRAK

Tesis ini membincangkan *Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem Zombi Kampung Pisang Melalui Kehidupan Masyarakat Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi* dengan tujuan utama untuk mengenal pasti dan menganalisis filem terhadap gejala yang tidak sihat dilakukan oleh masyarakat masa kini seperti gejala merempit, vandelisme, pembuangan sisa toksi, tidak menghormati golongan tua, malahan ada juga yang tidak menghormati negara seperti tidak menghormati lagu Negaraku. Objektif kajian bagi tesis ini ialah menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang*, menghuraikan kritikan sosiologi yang dipaparkan di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang, merumuskan didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* untuk dijadikan sebagai pengajaran. Kaedah penyelidikan melibatkan kaedah kualitatif dan data yang dikumpul melalui analisis visual. Analisis yang teliti menghasilkan penemuan yang signifikan, terutamanya berkenaan penerapan didik hibur yang terkandung dalam filem *Zombi Kampung Pisang* untuk dijadikan pengajaran kepada masyarakat melalui teori sosiologi model cermin. Hasil penyelidikan ini memberikan gambaran yang mendalam tentang *Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem Zombi Kampung Pisang Melalui Kehidupan Masyarakat Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi* dan menyediakan asas untuk menggambarkan dinamik hubungan antara watak sebagai cerminan nilai budaya dan norma sosial. Selain itu, filem ini dapat mengukuhkan identiti sosial melalui jenaka dan sindiran, mencipta pengalaman hiburan yang merangsang pemikiran tentang realiti social. Diharapkan sumbangan tesis ini akan menjadi asas penting untuk perkembangan selanjutnya dalam bidang Kesusastraan Warisan.

Kata kunci: gejala yang tidak sihat, didik hibur, teori sosiologi, pengajaran, norma sosial

The Application of Didik Hibur In The *Zombi Kampung Pisang* Film Through The Life Of The Malay Community As A Teaching Based On Sociological Criticism

## ABSTRACT

This thesis discusses the application of *Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem Zombi Kampung Pisang Melalui Kehidupan Masyarakat Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi* with the main purpose of identifying and analyzing the film against unhealthy symptoms done by today's society such as squatting, vandalism, waste disposal toxic, disrespecting the elderly, even some disrespecting the country such as disrespecting the Negaraku song. The research objective for this thesis is to explain the concept of entertainment education found in the film *Zombi Kampung Pisang*, to describe the sociological criticism displayed in the film *Zombi Kampung Pisang* with the life of today's society, to formulate the entertainment education found in the film *Zombi Kampung Pisang* to be used as a teaching. Research methods involve qualitative methods and data collected through visual analysis. A careful analysis produced significant findings, especially regarding the application of educational entertainment contained in the film *Zombi Kampung Pisang* to be used as a lesson to the community through the sociological theory of the mirror model. The results of this research provide an in-depth picture of the application of *The Application of Didik Hibur In The Zombi Kampung Pisang Film Through The Life Of The Malay Community As A Teaching Based On Sociological Criticism* and provide a basis to describe the dynamics of the relationship between characters as a reflection of cultural values and social norms. In addition, the film can strengthen social identity through humor and satire, creating a thought-provoking entertainment experience about social reality. It is hoped that the contribution of this thesis will be an important basis for further development in the field of Heritage Literature.

Keywords: unhealthy symptoms, fun education, sociological theory, teaching, social norms

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan merupakan suatu bidang yang dianggap tidak akan pernah hilang dan lapuk di telan zaman meskipun zaman sentiasa berganti. Ia akan terus berkembang dan mekar kepada masyarakat dunia bagi mengisi ruang di jiwa mereka sekiranya ia lapang. Ini dikatakan demikian kerana, kesusasteraan memiliki kelebihan dan keunikan mereka sendiri berbanding dengan bidang-bidang lain dan juga bidang yang memberikan nilai keindahan terhadap pengalaman bagi sesebuah masyarakat (Ali Ahmad, 1998). Kesusasteraan juga dinyatakan sebagai suatu seni ciptaan yang disampaikan dengan bahasa, ia berkemungkinan boleh dituturkan iaitu disebut sebagai sastera yang berbentuk lisan manakala yang ditulis disebut sebagai sastera tulisan (Hashim Awang, 1987)

Di dalam dunia sastera bukan sahaja berkaitan tentang pengkajian puisi, cerpen, cereka, drama, novel dan lain-lain yang berkaitan dengan teks-teks sastera malah sastera juga boleh mengkaji sesebuah filem melalui bidang kritikan sastera. Hashim Awang (1988) merupakan seorang pemikir dan seorang sarjana kesusasteraan Melayu menyatakan bahawa definisi kritikan ini merupakan penilaian terhadap hasil-hasil karya yang diciptakan oleh sasterawan melalui sesuatu alasan serta bersistem untuk menjadikan karya itu berkembang dan menjadi lebih baik. Kritikan sastera ini mula berkembang pada tahun 300 sebelum masihi iaitu selaras dengan berkembangnya hasil karya seni sastera yang berlaku pada zaman Yunani. Ia kemudian berkembang di Eropah dan menjadi tradisi dalam sastera Eropah. Pelbagai pembaharuan, perubahan dan penyimpangan yang telah ditempuhi bagi teori dan kritikan sastera sepanjang perkembangannya.

Di Malaysia terdapat banyak filem-filem yang banyak memberikan pengajaran serta pembelajaran kepada masyarakat. Pada masa kini, banyak filem-filem tempatan berjaya tembus ke luar negara, filem-filem tersebut bukan sahaja berkisahkan cerita rekaan semata-mata malah menampilkan kehidupan positif masyarakat Malaysia. Ini menjadikan imej masyarakat Malaysia dipandang tinggi oleh masyarakat luar negara. Filem-filem tempatan juga bukan sahaja kehidupan masyarakat yang sebenar malah terdapat juga filem-filem tempatan yang menceritakan sejarah yang pernah berlaku di Malaysia seperti filem Mat Kilau yang menjadi filem yang terlaris di Malaysia malah di luar negara juga. Terdapat juga filem yang menampilkan realiti sebenar yang terjadi di Malaysia seperti unsur vandelisme, unsur merempit, unsur membuli, unsur gangsterisme dan banyak lagi. Filem-filem tersebut ada kebaikan ada juga keburukannya, sesetengah

filem itu memberikan pengajaran berdasarkan unsur negatif yang ada di dalam filem tersebut agar unsur-unsur tersebut tidak di contohi oleh masyarakat.

Pengkaji memilih filem *Zombie Kampung Pisang* sebagai kajian penerapan didik hibur ke dalam masyarakat melalui kritikan sosiologi. Didik hibur adalah suatu cara atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pelbagai kaedah seperti mendengar, berututur, dan menulis. Didik hibur juga boleh dirumuskan sebagai sesuatu pendekatan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara santai dan berhibur dalam satu masa, seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan lain-lain. Kritikan sosiologi atau kritikan sosial merupakan satu bentuk komunikasi di dalam kalangan masyarakat yang bertujuan untuk mengawal jalan cerita tentang proses bermasyarakat. Filem *Zombie Kampung Pisang* adalah sebuah filem komedi seram yang di arahkan oleh pengarah terkenal dan berpengalaman iaitu Mamat Khalid. Filem ini ditayangkan pada tanggal 19 April 2007. Filem ini bukan sahaja mengisahkan tentang sebuah kampung yang diserang oleh sekumpulan zombie namun menceritakan banyak kisah yang nyata berlaku dalam kehidupan masyarakat sekarang. Filem ini juga memiliki banyak unsur komedi yang boleh menarik minat orang ramai terutama golongan muda.

Dalam cadangan kajian ini, pengkaji akan menerangkan tentang apa itu didik hibur dan kritikan sosiologi yang terdapat di dalam *Filem Zombie Kampung Pisang* secara jelas bagi memahami konsep didik hibur dan kritikan sosiologi. Di dalam bidang kritikan sastera iaitu kritikan sosiologi memfokuskan kepada latar masyarakat atau kehidupan masyarakat yang terdapat di dalam filem tersebut. Pengkaji juga turut menerangkan fungsi didik hibur dalam memberikan pengajaran kepada masyarakat serta memberikan

teladan yang baik. Setiap babak yang muncul ada isi tersirat yang ingin disampaikan terutama kepada penonton yang menonton filem tersebut.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Di dalam kajian ini pengkaji ingin melaksanakan kajian terhadap didik hibur kepada masyarakat Melayu di dalam kehidupan seharian mereka untuk dijadikan sebagai pengajaran terutama golongan muda. Penerapan didik hibur ini bukan sahaja untuk kanak-kanak akan tetapi ia juga boleh diterapkan kepada remaja dan golongan dewasa melalui media yang sesuai. Di dalam kehidupan masa kini, kita mendapati bahawa banyak isu yang berkaitan dengan gejala negatif yang melibatkan masyarakat Melayu terutama golongan remaja yang banyak terlibat dalam gejala tidak sihat tersebut.

Filem merupakan satu media yang besar dan banyak ditonton oleh masyarakat Melayu terutama golongan muda yang menyukainya. Filem ini merupakan satu hasil budaya serta merupakan satu alat ekspresi kesenian, filem juga dianggap sebagai satu seni audio dan visual yang baik (Effendi 1986). Filem juga didefinisikan sebagai media audio-visual yang menggabungkan kedua unsur, iaitu naratif dan sinematik (Himawan Pratista 2008).

Filem adalah sebuah kumpulan dari gambar-gambar yang berada di dalam bingkai iaitu di mana bingkai-bingkai itu ditayangkan melalui kanta projektor melalui mekanikal yang

menjadikan imej itu nyata dan boleh bergerak. Filem boleh bergerak dengan sangat laju dan bergilir-gilir serta memberikan daya tarikannya tersendiri (Arsyad, 2003:45)

Salah satu filem yang menjadi pilihan pengkaji ialah *Filem Zombie Kampung Pisang* yang diarahkan oleh pengarah terkenal iaitu Mamat Khalid. Filem ini memiliki banyak unsur yang membentuk masyarakat ke arah kebaikan dan ada juga memaparkan keburukan masyarakat yang terlibat dengan gejala negatif. Dengan pelaksanaan kajian ini iaitu penerapan didik hibur di dalam *Filem Zombie Kampung Pisang* melalui kehidupan masyarakat Melayu untuk dijadikan pengajaran iaitu melalui kritikan sosiologi.

Di dalam *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* oleh Wan Yee Oi, Abdul Razaq Ahmad, dan Shakila Che Dahalan tentang keberkesanan didik hibur iaitu kajian mereka terhadap empati dalam sejarah terhadap pelajar tahun empat. Di dalam jurnal tersebut menunjukkan kesan yang positif terhadap pelajar tahun empat tersebut menjadi pelajar yang berinovatif dan kreatif serta menarik minat mereka dalam pembelajaran sejarah tersebut.

Menurut Suhaimin Isnén (2017) di dalam laman web beliau ada menyatakan bahawa didik hibur ini merupakan satu penyerapan ilmu-ilmu dan juga pelbagai tema. Di dalam didik hibur kaedah penyerapan merupakan proses yang melibatkan ilmu iaitu dengan pelbagai aktiviti dilaksanakan secara santai sewaktu berlangsungnya pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Laurendon dan Swingewood (1972:2) menegaskan makna sosiologi iaitu sebuah bidang saintifik yang berkaitan dengan kajian objektif tentang kehidupan manusia di dalam masyarakat dan institusi sosial. Di dalam bidang sosiologi berdasarkan persoalan kajianya

memaparkan kehidupan sesebuah masyarakat yang mengalami perubahan, cara mereka bekerja, agama, ekonomi, politik, kekeluargaan dan lain-lain yang berkaitan dengan sosial.

Bagi perkaitan di antara sastera dengan sosiologi menurut Laurenson dan Swingewood (1972: 12) menyatakan bahawa berlakunya perubahan dalam kehidupan masyarakat yang dipaparkan telah diterjemahkan dalam karya sastera. Di dalam kehidupan manusia mengalami perubahan di dalam karya sastera yang telah diterjemahkan melalui novel iaitu mewakili genre sastera yang utama.

Justeru itu, di dalam kajian ini pengkaji akan melihat lebih terperinci tentang kajian yang dilakukan iaitu *Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem Zombie Kampung Pisang Melalui Kehidupan Masyarakat Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi* supaya kajian yang dilakukan ini menjadi relevan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang filem-filem berdasarkan teori sosiologi.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Penerapan pendidikan yang baik mampu melahirkan generasi yang beradab dan memiliki identiti yang baik. Pembelajaran bukan sahaja berlaku di sekolah atau mana-mana institusi pengajian malah ia juga berlaku di sekitar masyarakat. Filem juga merupakan satu bentuk pembelajaran kepada masyarakat untuk mendidik diri dan menerima pelbagai pengajaran yang ada di dalam sesebuah filem. Penggiat filem tanah air telah banyak menghasilkan filem-

filem yang menarik dan memaparkan banyak nilai-nilai murni serta pengajaran kepada penonton.

Pada masa kini, masih terdapat lagi segelintir masyarakat yang terlibat dengan budaya tidak sihat, mereka melakukan aktiviti-aktiviti tersebut berdasarkan kemahuan mereka sendiri, terpengaruh dengan rakan sebaya, terpengaruh dengan media sosial yang berunsurkan negatif dan pelbagai aspek-aspek lain yang menyebabkan golongan masyarakat tersebut terlibat dengan budaya yang tidak sihat. Antara contohnya, gejala merempit, *vandelisme*, tidak menghormati golongan tua, malahan ada juga yang tidak menghormati negara seperti tidak menghormati lagu Negaraku.

Gejala merempit begitu banyak berlaku di negara ini. Ini jelas dapat dilihat di dalam akhbar Sinar Harian pada 29 Mac 2022 oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil menyatakan bahawa gejala merempit ini kian menular terutama kepada golongan remaja. Menurut akhbar tersebut golongan remaja yang terlibat ini bukan sahaja menjadi samseng jalanan malah turut melakukan aktiviti yang tidak bermoral. Gejala ini berlaku kepada remaja yang lingkungan umur 20-an. Hal ini dikatakan demikian kerana, golongan remaja ini pada awalnya hanyalah berminat dengan dunia permotoran namun lama-kelamaan mereka ingin meningkatkan kelajuan jentera mereka sehingga terjebaknya ke dalam aktiviti yang tidak sihat ini malah ada juga sanggup mencuri, namun tidak semua golongan remaja yang merempit ini terlibat dalam pencurian. Justeru itu, filem Zombie Kampung pisang dipilih untuk dijadikan sebagai pengajaran dan pembelajaran kepada golongan remaja tentang buruknya pandangan masyarakat tentang golongan yang merempit ini dan malah membahayakan orang di sekitar.

Di dalam era pembangunan ini, kebanyakan ibu bapa sibuk dalam pekerjaan sehingga mengabaikan tanggungjawab dan didikan yang sempurna kepada anak-anak sehingga anak-

anak mula terdedah dengan gajet dan kurang berinteraksi dengan ibu bapa. Perkara ini boleh menyebabkan sikap anak-anak terhadap ibu bapa atau orang yang lebih dewasa dari mereka menjadi kurang dan berkemungkinan rasa hormat mereka terhadap golongan yang lebih tua tiada. Terdapat satu perkongsian video yang tular di media sosial yang memaparkan seorang remaja yang sengaja menjatuhkan seorang warga emas yang cuba untuk menaiki motornya. Perkara ini dikatakan kerana, kurangnya perhatian dan teguran ibu bapa terhadap anak-anak mereka sehingga mereka menganggap sesuatu perkara yang mereka lakukan adalah perkara yang biasa kerana sejak dari kecil mereka tidak mendapat didikan dan teguran yang baik dari ibu bapa mereka sendiri. Oleh itu, bagi membentuk semula golongan remaja yang kurang adab atau tidak menghormati orang yang lebih tua dari mereka ialah dengan penerapan didik hibur bedasarkan kritikan sosiologi yang ada di dalam filem Zombie Kampung Pisang. Di dalam filem Zombie Kampung Pisang ini terdapat suatu babak yang menyuruh masyarakat untuk menghormati golongan yang sudah tua.

Pada tahun 2023 ini, Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 66 tahun. Lagu Negaraku merupakan lagu rasmi bagi negara Malaysia dan menjadi tanggungjawab kepada rakyat Malaysia untuk menghormati lagu tersebut. Disaat lagu rasmi negara dimainkan rakyat Malaysia diminta untuk berdiri tegak dan menyanyikan lagu rasmi tersebut bagi menghormati pejuang-pejuang yang telah mempertahankan kemerdekaan negara ini. Akan tetapi ada sesetengah individu mengambil remeh terhadap perkara tersebut sehingga tidak menghormati lagu Negaraku. Di dalam media Astro Warni menyatakan ada individu yang memprotes dengan tidak berdiri sewaktu lagu kebangsaan dimainkan terhadap Kerajaan Persekutuan yang dikatakan enggan membayar isu royalti minyak 20 peratus kepada negeri mereka iaitu Sarawak. Hal ini demikian kerana, sikap individu yang menganggap lagu

kebangsaan itu hanyalah sebuah lagu semata-mata tanpa memahami isi penyampaian lagu tersebut, sedangkan lagu kebangsaan Negaraku merupakan lagu rasmi negara dan ia hendaklah dihormati bagi setiap rakyat Malaysia. Oleh hal yang demikian itu, di dalam penerapan didik hibur dengan menggunakan kritikan sosiologi di dalam filem Zombie Kampung Pisang amatlah sesuai kerana terdapat babak yang memaparkan kehormatan terhadap lagu kebangsaan.

Selain itu, gejala vandelisme atau gejala merosakkan harta benda awam, gejala ini bukanlah isu yang boleh dianggap kecil atau dipandang remeh terutama dalam kalangan remaja masa kini. Isu ini juga bukan sahaja boleh membuatkan orang awam berasa tidak tenteram malah berkemungkinan mengancam kesejahteraan negara atau terlahirnya generasi yang suka akan keganasan. Menurut Utusan Malaysia menyatakan bahawa gejala vandelisme ini kebanyakannya yang terlibat adalah golongan remaja. Menurutnya juga berdasarkan kajian menyatakan golongan remaja yang belingkungan umur 15 tahun hingga 20 tahun iaitu 80 peratus yang terlibat dengan gejala vandelisme ini dan sebanyak 70 peratus dari mereka yang tercicir dalam pelajaran sementara yang selebih dilakukan secara berkumpulan. Ini kerana, sesetengah golongan remaja yang terlibat dengan gejala vandelisme ini terpengaruh dengan rakan-rakan mereka dan kurangnya perhatian dari ibu bapa sehingga mereka sanggup melakukan perbuatan keji. Oleh demikian itu, pemilihan filem Zombie Kampung Pisang sebagai penerapan didik hibur melalui kritikan sosiologi kerana terdapat pesanan-pesanan dan kekesalan orang awam terhadap gejala vandelisme ini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- 1.4.1 Apakah konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang*?
- 1.4.2 Apakah kritikan sosiologi yang dipaparkan di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang?
- 1.4.3 Bagaimanakah didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dijadikan sebagai pengajaran?

#### **1.5 Objektif Kajian**

- 1.5.1 Menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.
- 1.5.2 Menghuraikan kritikan sosiologi yang dipaparkan di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang.
- 1.5.3 Merumuskan didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* untuk dijadikan sebagai pengajaran.

## 1.6 Skop Kajian

Di dalam kajian ini memfokuskan filem-filem arahan Mamat Khalid. Setiap filem yang diarahkan oleh Mamat Khalid banyak terselitnya kritikan sosial sehingga menimbulkan banyak watak yang berkait dengan isu-isu politik termasuklah isu rasuah atau sikap ketidakadilan dalam menjalankan amanah mereka. Antara filem yang berjaya beliau arahkan seperti filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah, Lang Buana, Rock, Kala Malam Bulan Mengambang, Rock Oo!, Man Laksa, Zombi Kampung Pisang* dan lain-lain. Hampir semua filem arahan Mamat Khalid mempunyai mesej dan pengajaran kepada masyarakat. Namun, kajian ini hanya membataskan filem *Zombi Kampung Pisang*. Pengkaji memilih filem *Zombi Kampung Pisang* sebagai kajian. Hal ini dikatakan

Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk menerapkan didik hibur ke dalam diri masyarakat dengan menggunakan kaedah kritikan sosiologi dan juga menjelaskan kepada masyarakat tentang konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Ini kerana sesetengah masyarakat tidak memahami apa erti didik hibur dan ada juga yang tidak mengetahui kewujudan didik hibur. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang apa itu didik hibur dan apa tujuan didik hibur diperkenalkan.

Kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenalpasti kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan masyarakat kini. Kajian ini juga memfokuskan kehidupan masyarakat di dalam filem tersebut dengan kehidupan nyata. Di dalam filem tersebut memiliki banyak kehidupan seharian masyarakat yang nyata berlaku di

dalam kehidupan seharian masyarakat sekarang. Pelbagai babak yang terpapar di dalam filem ini yang menceritakan gejala yang tidak sihat masih lagi berlaku sehingga kini.

Akhir sekali, kajian ini juga bertujuan untuk menunjukkan keberkesanan didik hibur dan penerimaan didik hibur ini ke dalam kehidupan masyarakat. Penerapan didik hibur memberikan kesan yang baik kepada masyarakat terutama dalam memberi pengajaran dan nilai-nilai murni yang memberikan kebaikan kepada masyarakat.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana pada masa kini, kita mengetahui teknologi semakin lama semakin canggih dan pelbagai cabang ilmu dan pendidikan yang boleh disampaikan serta hiburan makin banyak. Kita juga mengetahui bahawa masyarakat kini terutama golongan remaja lebih cenderung kepada teknologi iaitu penggunaan gajet-gajet yang canggih. Gajet-gajet yang canggih ini memberikan kesan baik dan kesan buruk. Kesan baiknya mereka dapat memperolehi ilmu kesan buruknya mereka terdedah dengan gejala-gejala tidak sihat. Justeru itu, dengan menjelaskan konsep didik hibur ini banyak masyarakat mengenali apa itu didik hibur dan apa kepentingan didik hibur terutama dalam membentuk jati diri masyarakat yang baik.

Kajian ini dilakukan terhadap filem tempatan iaitu filem Zombie Kampung Pisang yang bersifat hiburan dan juga bersifat pendidikan. Pengkaji mengkaji dan menilai isu semasa yang

berlaku sekarang untuk mengaitkan kehidupan masyarakat sekarang dengan filem Zombie Kampung Pisang. Begitu banyak gejala-gejala tidak sihat dan negatif yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada masa kini, kajian ini penting dalam mengaitkan hubungan di antara kehidupan masyarakat di dalam filem untuk dikritik dengan kehidupan masyarakat sekarang. Oleh itu, dengan kajian ini masyarakat dapat mengetahui tentang gejala yang tidak sepatutnya ada di dalam kehidupan seharian mereka dan menolak gejala-gejala negatif yang ada di kehidupan masyarakat sekarang.

Seterusnya, kajian ini penting dalam menerangkan tentang kaedah atau cara didik hibur ini dalam memberikan pengajaran atau teladan kepada masyarakat. Masyarakat akan lebih tahu kepentingan didik hibur dan kesannya kepada kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendedahan didik hibur yang memberikan kesan pengajaran dan nilai-nilai murni kepada masyarakat melalui sesebuah filem yang berunsurkan komedi atau hiburan yang memiliki makna tersirat. Oleh itu, pengkajian didik hibur ini dalam memberikan nilai dan pengajaran kepada masyarakat amatlah penting bagi pembentukan masyarakat yang berguna kepada negara dan membenci kejahatan.

Akhir sekali, kajian ini penting dalam menerapkan didik hibur ke dalam diri seseorang sejak dari zaman persekolahan lagi. Setiap institusi atau tenaga pengajar itu memainkan peranan yang amat penting bagi melahirkan generasi yang berguna kepada negara dan dijauhi dari gejala yang tidak sihat. Oleh itu, pengkajian berkenaan dengan didik hibur ini sangat bertepatan bagi memberikan langkah yang terbaik kepada institusi pendidikan untuk menerapkan didik hibur ke dalam diri pelajar sekolah sejak dari pra lagi.

## 1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, jelas dapat dilihat sesetengah masyarakat masih lagi mengamalkan amalan yang tidak sihat terutama golongan remaja yang begitu banyak terlibat dalam gejala-gejala yang tidak sepatutnya mereka ikuti. Melalui kajian ini pengkaji dapat menghuraikan kepada masyarakat tentang situasi atau keadaan sekeliling mereka bahawa masih ada golongan yang terjebak dalam aktiviti yang boleh mengundang keburukan terutama kemakmuran dan kedamaian negara.

Di sini juga, pengkaji membuat kajian ini bagi menggalakkan masyarakat terutama golongan remaja tentang kelebihan didik hibur yang terdapat di dalam filem terutama filem-filem tempatan yang memiliki banyak unsur didik hibur yang boleh menarik minat banyak golongan-golongan yang masih berdegil yang terlibat dengan gejala yang tidak sihat. Pemilihan filem Zombie Kampung Pisang terhadap kajian ini adalah sesuai kepada masyarakat kerana ia merupakan filem tempatan yang mudah difahami masyarakat Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu. Filem ini menjadi pilihan kerana memiliki banyak unsur didik hibur yang boleh menyentuh emosi penonton yang menonton filem ini kerana begitu banyak mesej yang disampaikan untuk dijadikan teladan dan menjauhi segala gejala yang tidak sihat.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji menyediakan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan isilah-istilah atau maksud berkenaan dengan kajian iaitu seperti penerapan didik hibur, filem Zombie Kampung Pisang dan kritikan sosiologi. Pengkaji mencari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk untuk dibincangkan satu persatu berdasarkan kajian yang berkaitan. Setiap perkara yang dibincangkan hendaklah memiliki sokongan, pendapat, pandangan dan juga memiliki teori yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh yang berkait dengan bidang yang dikaji. Model yang sesuai digunakan bagi membantu kajian dan seterusnya menjadi panduan untuk membina kerangka kajian.

## 2.2 Berkenaan Didik Hibur

Terdapat beberapa kajian lepas yang berjaya pengkaji peroleh bagi mendapatkan maklumat dan istilah-istilah yang diperlukan bagi menyiapkan laporan ini iaitu:

### 2.2.1 Kajian Tesis

Berdasarkan analisis kajian tesis yang dikaji oleh Nur Aliah Izzaty Binti Hisamudin yang bertajuk Penggunaan Kaedah Didik Hibur Untuk Pembelajaran Matematik Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai (2019). Pengkaji menyatakan bahawa didik hibur ini ialah satu pedagogi yang terbaru di dalam dunia pendidikan bagi sesi persekolahan. Di dalam arus kemodenan ini sistem pendidikan yang terbaru bagi pelajar untuk sesi sekolah iaitu penumpuan terhadap penggunaan dan pemahaman dan penyerapan sekeliling pelajar sendiri. Objektif kajian ini dilaksanakan ialah untuk mengenal pasti kaedah yang berkesan dari didik hibur ini berasaskan nyanyian dalam meningkatkan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran matematik dalam kalangan murid. Selain itu, untuk memperkenalkan hiburan bagi penglibatan murid terhadap subjek matematik yang menggunakan kaedah didik berasaskan nyanyian. Akhir sekali, objektif kajian yang dilakukan juga untuk mengesan isu dan cabaran yang bakal dihadapi

oleh guru dengan pengenalan didik hibur yang berdasarkan nyanyian di dalam pengajaran subjek matematik.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zahar bin Hj Kusnun dan Affero Bin Ismail iaitu Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang (2016). Di dalam kajian ini mendefinisikan bahawa didik hibur ialah satu penerapan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan juga berhibur, contohnya bermain permainan, bernyanyi, bercerita, membuat lakonan, dan juga berpuisi. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap penerapan didik hibur ini di dalam kalangan murid di sekolah rendah. Selain itu, ia juga mengenal pasti tahap motivasi di dalam pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Akhir sekali, mengenal pasti seberapa jauh motivasi yang diperoleh murid lelaki dan murid perempuan di sekolah rendah.

### **2.2.2 Kajian Artikel/Jurnal**

Menurut kajian Tan Ching dan Ruhizan Mohammad Yasin (2022) yang bertajuk Penerapan Kaedah Didik Hibur Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Luar Bandar ini dilaksanakan bagi mengesan tahap keberkesanan kaedah didik hibur di dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap persediaan oleh guru

dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap serta tahap penerapan didik hibur ini terhadap subjek Bahasa Inggeris ini di sekolah luar bandar. Didik hibur ini boleh dilaksanakan pada set yang utama atau sewaktu akhir pembelajaran ini dinyatakan oleh Jamian (2016). Menurut kajian Ardani et. al. (2018) pula mendapati kebanyakan guru tidak menggunakan kaedah didik hibur sebagai kemahiran di dalam pembelajaran. Selain itu, tahap penerapan didik hibur di dalam sesi pembelajaran amatlah rendah ini jelas dinyatakan di dalam kajian Andrani et. al. (2018).

Di dalam kajian yang bertajuk Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur Secara Bersemuka Dan Dalam Talian Berdasarkan Jantina Dan Pengalaman Mengajar Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang dikaji oleh Salimiah@Sazarinah Jamili dan Zamri Mahamod (2022) ini bertujuan untuk melihat perbezaan di antara pembelajaran secara bersemuka dan secara dalam talian melalui penerapan aktiviti didik hibur di dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Di dalam kajian menggunakan kajian soal selidik bagi mendapatkan maklumat untuk mendapatkan hasil kajian. Implikasi yang boleh dinyatakan bagi kajian ini ialah faktor jantina dan pengalaman guru Bahasa Melayu tidak memberi pengaruh yang kuat melalui bersemuka mahupun dalam talian, tetapi sebaliknya memberikan kemahiran dalam mengajar, menimbulkan minat, sikap dan sebagainya.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Ooi Wan Yee, Abdul Razaq Ahmad, dan Shakila Che Dahalan yang bertajuk Keberkesanan Didik Hibur Terhadap Empati Sejarah dalam kalangan Murid Tahun Empat di Daerah Kota Setar, Kedah ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan teknik didik hibur terhadap empati sejarah yang dinilai dari segi empati peristiwa dan empati

tokoh dalam kalangan murid tahun empat di daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini turut mengenal pasti perbezaan empati sejarah dalam kalangan murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina.

Di dalam kajian Mohd Rosmadi Mohd Salleh dan Hafizhah Zulkifli (2020) yang bertajuk Penggunaan Didik Hibur Dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan menyatakan bahawa didik hibur ini merupakan salah satu kaedah pengajaran yang diketengahkan di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Ini dikatakan demikian kerana, didik hibur ini mampu menimbulkan suasana belajar yang menarik, santai dan menyeronokkan bagi murid sekolah rendah. Tujuan kajian ini dilaksanakan ialah untuk mengkaji sikap murid, kesediaan murid, dan penerimaan murid terhadap pendekatan didik hibur di dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah tindakan dan penilaian kebolehgunaan, kajian ini juga menggunakan soal selidik terhadap murid darjah enam seramai 102 orang di daerah Seremban. Implikasi kajian ini ialah didik hibur ini memberikan manfaat yang baik dan positif kepada guru dan murid. Pelaksaan didik hibur juga menimbulkan suasana yang menyeronokkan di samping menimba ilmu yang disampaikan oleh guru terutama dalam subjek Pendidikan Islam.

Menurut kajian Mohamad Rizwan Mohd Nor dan Roslinda Rosli (2023) di dalam kajian mereka iaitu Elemen Didik Hibur Dalam Buku Teks Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah menyatakan bahawa didik hibur ini merupakan satu jenis pembelajaran yang berasaskan permainan, permainan itu sama ada permainan digital atau gamifikasi. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kepelbagaiannya jenis aktiviti pada elemen didik hibur dalam buku

teks matematik KSSR. Justeru itu, elemen didik hibur ini merupakan satu pendekatan baru bagi pembelajaran dan merupakan satu langkah yang baik bagi teknik pengajaran. Ia juga mewujudkan menarik ramai murid terhadap pembelajaran matematik.

Di dalam kajian Siti Aishah Sembai AbanAbdullah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2022), yang bertajuk Cabaran Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur menyatakan bahawa didik hibur ini merupakan satu cara yang melibatkan beberapa aspek seperti membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Di dalam kajian ini juga menyokong bahawa didik hibur mampu melahirkan rasa gembira, seronok dan teruja di dalam diri seseorang murid itu sewaktu proses pembelajaran. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk meneroka cabaran pengaplikasian didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca secara dalam talian. Di dalam kajian ini memberikan cadangan kepada kementerian untuk mengatasi cabaran pengaplikasian didik hibur ini dengan menyediakan capaian internet yang laju. Justeru itu, hasil kajian mendapati begitu banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh guru sewaktu menjalani proses pengajaran melalui talian dan ia juga berdasarkan dari aspek sikap, kemudahan, masa dan persekitaran semasa.

Di dalam jurnal Sulaiman Mahzan Di dalam jurnal Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Abd Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie, dan Mohamad Hafiz Rahmat (2018) yang berjudul Aplikasi Didik Hibur Tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian Awal Persepsi Pengguna yang menyatakan bahawa zaman kini banyak golongan muda terdedah dengan teknologi dan permainan masa kini. Dengan memanfaatkan teknologi masa kini generasi muda akan mudah untuk mempelajari tajwid al-Quran. Objektif kajian

ini ialah untuk mengenalpasti sejauh mana penerimaan pengguna terhadap aplikasi didik hibur berkaitan tajwid al-Quran. Kajian ini terbahagi kepada dua komponen utama iaitu pembangunan aplikasi didik hibur yang dinamakan Teroka Tajwid dan penilaian persepsi awal pengguna terhadap aplikasi berkenaan.

### **2.2.3 Kajian Buku/Majalah**

Di dalam buku Pengajaran Bahasa Melayu Didik Hibur Dan Seni Bahasa karya Mazlan Ismail (2016) yang diterbirtkan pada 24 Mei 2016 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini menyatakan tentang penekanan didik hibur terhadap murid sekolah rendah dalam pelaksanaan KSSR yang diharapkan dapat menarik minat murid sekolah sehingga menimbulkan keseronokan sewaktu menjalani proses pembelajaran. Bukan itu sahaja, didik hibur juga memberikan motivasi di dalam diri seseorang murid itu bagi meningkatkan interpersonal yang baik, keprihatinan seorang guru terhadap murid dan tanggungjawab yang tinggi terhadap tugas.

## 2.3 Kajian Lepas Berkenaan Filem *Zombi Kampung Pisang*

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkenaan dengan filem *Zombi Kampung Pisang* yang berjaya pengkaji peroleh bagi mendapatkan maklumat dan istilah-istilah yang diperlukan bagi menyiapkan laporan ini iaitu:

### 2.3.1 Kajian Tesis

Di dalam tesis yang disediakan oleh Fatin Nadhirah binti Muhammad Anuar Loh (2021) yang berjudul Analisis Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang, dinyatakan olehnya bahawa kritikan sosial yang ada di dalam filem adalah suatu perkara yang sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji menyatakan bahawa filem ini ada satu cerminan bagi masyarakat kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis secara kritis dengan menggunakan kaedah kritikan sosial yang ada di dalam filem Zombi Kampung Pisang. Di dalam kajian ini juga menggunakan teknik atau kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan cara mengumpul dan menganalisis data. Justeru itu, dengan melaksanakan kajian ini mampu membuka ruang dan peluang kepada pengkaji baru dalam membuat kajian tentang kritikan sosial yang ada di dalam filem-filem tempatan.

### 2.3.2 Kajian Artikel/Jurnal

Di dalam sebuah kajian yang bertajuk Peralihan Kod Bahasa Dalam Dialog Filem Mamat Khalid: Kajian Terhadap Zombi Kampung Pisang (2007) Dan Zombi Kilang Biskut (2014) yang dikaji oleh Muhammad Aminuddin bin Ahmad Nor ini mengkaji tentang peralihan kod yang ada di dalam kedua-dua filem tersebut yang diarahkan oleh pengarah yang sama iaitu Mamat Khalid. Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang akan menghujahkan peralihan kod bahasa memiliki fungsinya yang tertentu yang membantu watak, menzahirkan perwatakan, zahir dan latar dengan lebih jelas lagi. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti peralihan kod yang berlaku dalam filem-filem tersebut. Oleh itu, pengkaji menyatakan bahawa filem-filem yang mengandungi peralihan kod dalam dialog tidak sama sekali menjelaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi ia memaparkan realiti yang berlaku di dalam kalangan masyarakat yang menggunakan percampuran loghat tempatan dengan peralihan kod bahasa asing.

Di dalam kajian Md Adnan, Al-Fatihah and Abd Rahim, Normaliza (2014) yang berjudul Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang menyatakan bahawa terdapat banyak kritikan sosial di dalam filem Zombi Kampung Pisang tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat di dalam filem Zombi Kampung Pisang. Di dalam kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data dan menganalisis data tersebut. Implikasi yang dibuat oleh

pengkaji terhadap kajiannya ialah kajian ini mampu membuka ruang kepada penyelidik akan datang untuk menyelidik kritikan sosial yang terkandung di dalam filem Melayu yang diterbitkan di Malaysia.

### **2.3.3 Kajian Buku/Majalah**

## **2.4 Kajian Lepas Berkanaan Sosiologi**

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan sosiologi yang telah berjaya pengkaji peroleh bagi mendapatkan maklumat dan istilah-istilah yang diperlukan bagi menyiapkan laporan ini iaitu:

### **2.4.1 Kajian Tesis**

Kajian tesis oleh Ratna Susanti (2012) yang berjudul Pendekatan Sosiologi Sastra Dan Nilai Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen 9 Dari Nadira

Karya Leila S. Chudori ini bertujuan untuk mendeskripsikan latar belakang sosial budaya di dalam cerpen 9 Dari Nadira. Selain itu, objektif kajian ini juga untuk mendeskripsikan pandangan pengarang terhadap tokoh wanita dalam cerpen 9 Dari Nadira serta mendeskripsikan nilai pendidikan kumpulan cerpen 9 Dari Nadira. Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskripsi dengan pendekatan sosiologi sastera. Di dalam kaedah kualitatif ini pengkaji menggunakan data primer untuk mendapat sumber penelitian data iaitu dari cerpen 9 Dari Nadira dan pengkaji juga menggunakan sumber data sekunder iaitu dengan mengumpulkan data dari buku-buku ilmiah dan sumber dari internet untuk mendapatkan data bagi melengkapkan kajiannya.

#### **2.4.2 Kajian Artikel/Jurnal**

Di dalam kajian Agus Imam (2017) yang bertajuk Kritik Soisal Dalam Novel O karya Eka Kurniawan: Kajian Sosiologi Sastera ini bertujuan untuk mendeskripsikan kritik sosial di dalam novel O karya Eka Kurniawan. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif seperti pengumpulan data dengan cara kepustakaan, semakan, dan mencatat novel tersebut. Di dalam kajian ini bukan sahaja menggunakan kaedah krtikan sosiologi dengan menggunakan teori heurmeneutik dan mimes. Hasil kajian ini mendapati adanya kritikan terhadap penganiayaan, pemerkosaan dan ketidakpedulian sosial. Oleh itu, pengkaji

menyimpulkan bahawa terdapat banyak peristiwa tentang kepedulian sosial di dalam kalangan masyarakat ini semakin rendah.

Dalam kajian Nurul Marliana Baderol dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019), yang berjudul Sosiologi Dalam Drama Bulan Belum Kelam Karya Roziah Adama ini bertujuan untuk memenuhi kehendak jawapan tentang persoalan yang berkaitan dengan isu-isu sosial yang disampaikan oleh penulis dalam drama tersebut. Di dalam dapatan kajian ini pengkaji mendapati penulis mengangkat isu sosial dalam masyarakat seperti kejujuran yang di dalam masyarakat, masyarakat yang suka melepak, masyarakat yang kahwin awal dan lain-lain. Justeru itu, pengkaji membuat kesimpulan terhadap kajiannya iaitu skrip bagi watak di dalam drama terhad namun ianya tetap dapat digambarkan berkenaan isu-isu sosial, politik dan juga ekonomi yang sering terjadi oleh golongan pendatang tanpa izin.

Di dalam artikel Sara Beden (2021) yang bertajuk Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi menyatakan bahawa sesebuah karya sastera boleh membuatkan masyarakat itu menjiwai unsur dan nilai yang ada dalam sesebuah karya sastera itu. Ini dikatakan kerana di dalam sesebuah karya sastera itu terkandung sosiobudaya dan sosioekonomi yang berkaitan dengan masyarakat masa kini. Objektif penghasilan artikel ialah untuk menganalisis kandungan yang ada di dalam novel Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya karya Dahiri Saini (2020) dari segi penulis dan teks, isu-isu sosial dan kesannya kepada masyarakat. Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menganalisis kandungan yang ada di dalam teks. Pengkaji membuat kesimpulannya terhadap kajian yang dilakukan iaitu setiap watak yang ditonjolkan oleh pengkarya novel ini iaitu Dahiri Saini telah menghasilkan impian dan aspirasi pengkarya untuk

mengangkat dan memartabatkan kaum Melanau di dalam pelbagai bidang sebagai kaum yang disegani di Bumi Kenyalang.

Di dalam artikel yang ditulis oleh Sumintak dan Muhammad Masruri (2022) yang bertajuk Sosiologi Masa Lapang: Budaya Konsumerisme Masyarakat Bandar yang bertujuan untuk menggambarkan bagaimana budaya konsumerisme masyarakat bandar sewaktu berlakunya wabak Covid-19 yang banyak dihabiskan untuk aktiviti konsumtif. Kewujudan beberapa laman sosial untuk berbelanja secara atas talian telah banyak memanjakan masyarakat konsumtif yang tinggal di bandar terlebih dengan kemudahan tersebut. Masa lapang merupakan instrument yang upaya bagi mencapai dalam kelas masyarakat, ini melahirkan dianggap instrument yang pada akhirnya dianggap upaya dalam mencapai kelas masyarakat.

Kajian yang dilakukan oleh Syafiqah binti Shaari dan Nur Afifah Vanitha binti Abdullah (2020), yang bertajuk Aspek Sosiologi Dalam Drama Buang Karya Roziah Adama ini berkaitan tentang sebuah karya yang memaparkan pelbagai isu sosial masyarakat yang terpinggir di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi yang dipelopori oleh Karl Max. Ini kerana bagi menjawab persoalan kajian berkaitan isu-isu sosial yang disampaikan oleh Roziah Adama dalam karyanya itu. Dapatan kajian yang dirungkai oleh pengkaji ialah berkaitan tentang isu sosial seperti kes pembuangan bayi, aspek politik yang berkaitan dengan pentadbiran yang melibatkan orang yang memiliki wang boleh selesaikan banyak perkara, aspek ekonomi yang berkaitan dengan kehidupan bagi golongan bawahan yang miskin di dalam karya Buang oleh Roziah Adama. Implikasi kajian ini ialah drama ini memiliki keunikan kerana ia mengetengahkan isu yang berlaku

kepada masyarakat masa kini dan memiliki jalan cerita yang baik serta memabngkitkan isu-isu yang ada di sekeliling.

Di dalam kajian Putri Anita Rahman, Firman, dan Rusbinal (2019), yang bertajuk Kemiskinan Dalam Perspektif Ilmu Sosiologi ini mengkaji tentang kemiskinan yang dikatakan masalah ini merupakan masalah multidimensi kerana ia berkaitan dengan ketidakmampuan masyarakat dari aspek ekonomi, politik, sosial budaya, dan partisipasi. Metod yang digunakan di dalam kajian ini ialah kaedah deskriptif analisis iaitu suatu gambaran kemiskinan penduduk dengan mendekatkannya berdasarkan kriteria ukuran kemiskinan. Data-data yang dikumpulkan merupakan data sekunder yang diambil dari kajian lepas yang sesuai dengan tajuk penulisan. Implikasi bagi kajian ini ialah kemiskinan itu sendiri selalu hadir di dalam masyarakat, baik masyarakat itu tinggal di kota ataupun masyarakat yang sederhana.

Melalui kajian Dian Nathalia Inda (2018) yang bertajuk Kritik Sosial Dalam Novel Mars Karya Aishworo Ang (Social Critism In Novel Mars By Aisworo Ang) ini bertujuan untuk mengungkap dan mendeskripsikan kritikan sosial yang terkandung di dalam novel tersebut. Dalam mengumpul data pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Justeru itu, kajian ini memperoleh banyak kritikan sosial yang terkandung di dalam novel Mars. Antara kritikan yang berjaya ditemukan ialah kritikan terhadap penyalahgunaan kuasa, kritikan terhadap pentadbiran pemimpin, kritikan terhadap pemberian nama, kritikan terhadap sistem pendidikan, kritik terhadap tenaga pendidik, dan kritik terhadap penyalahgunaan tradisi.

Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2006), di dalam kajiananya yang bertajuk Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Modern menyatakan bahawa sosiologi sastera ini terbahagi kepada tiga bentuk pemahaman dan penerapan. Pertama dianggap menolak andaian bahawa teks sastera ini bebas daripada tuntutan dan pengaruh persekitaran. Selain itu, bagi pemahaman kedua pulah ialah persekitaran yang mempunyai perkaitan yang penting dengan karya yang berjaya dihasilkan, manakala yang ketiga pula ialah meyakini eratnya jalinan di antara persekitaran dan karya, ia berpusatkan kepada penggunaan bagi sesuatu paradigma tertentu. Ringkasnya, sosiologi sastera ini difahami sebagai satu karya yang memaparkan masyarakat yang terkandung di dalam karya sastera.

Menurut M. Wahid Nur Tueleka (2017) di dalam kajiananya Teori Konflik Sosiologi Klasik dan Modern menyatakan bahawa konflik sosial ini dianggap sebagai fenomena sosial yang menarik untuk dikaji. Terdapat beberapa tokoh yang melopori teori konflik sosiologi ini, antaranya ialah Polybus, Ibnu Khaldun, Nicolo Machiavellie, Jean Bodin, Thomas Hobbes dan ada juga tokoh sosiologi modern yang turut mengemukakan teori sosiologi yang bersifat konflik iaitu Karl Max, Lewis A. Coser, Ralf Dahrendorf. Pengkaji membandingkan teori konflik klasik dan teori konflik moden. Teori konflik klasik lebih memandang konflik yang ditinjau iaitu dari segi alami manusia yang cenderung memusuhi dan saling menguasai terutama dalam kekuasaan, manakala teori konflik moden pula ia lebih bersifat kompleks dan muncuk sebagai kritikan atas teori fungsionalisme structural.

Berdasarkan kajian Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2018) yang bertajuk Sosiologi dalam Filem Werewolf dari Bangladesh

(2015) Arahan Mamat Khalid ini bertujuan untuk menjawab persoalan berdasarkan pendekatan sosiologi iaitu apakah kritikan-kritikan sosial yang disampaikan oleh pengarah dalam filem ini dengan mengangkat watak warga Bagladesh sebagai watak utama? Penelitian fundamental digunakan bagi menjawab persoalan tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah kuantitatif iaitu pengkaji menganalisis kandungan yang dipilih intstrumen kajian utama untuk mendapatkan data daripada filem, jurnal, artikel, surat khabar, internet dan kajian lepas. Di dalam kajian ini juga menyentuh aspek-aspek nilai di dalam penceritaan filem supaya dijadikan sebagai teladan dan pengajaran kepada masyarakat supaya lebih berdaya saing

Kajian yang dilakukan Hega Berliana, Dr. Supriyadi, dan M.Hum (2019) bertajuk Kekerasan Dan Pelecehan Seksual Dalam Film Han Gong Ju Karya Lee Sujin: Kajian Sosiologi Sastra ini bertujuan untuk meneliti bentuk kekerasan dan pelecehan seksual yang tergambar di dalam filem tersebut. Selain itu, tujuan kajian ini juga untuk menganalisis isi kritikan terhadap masyarakat Korea terkait dengan isu kekerasan dan pelecehan seksual yang ada di dalam filem tersebut. Pengkaji menggunakan teori sosiologi sastera untuk menilai hubungan sastera dengan masyarakat. Bukan itu sahaja, teori ini dipilih oleh pengkaji untuk menganalisis filem Hang Gon Ju yang dianggap sebagai karya sastera dapat mengungkapkan bagaimana cara pencipta karya sastera atau filem yang dipengaruhi oleh keadaan dan peristiwa masyarakat. Kajian ini menunjukkan bahawa filem merupakan representasi sosial dan kritikan terhadap masyarakat Korea.

Di dalam kajian Nur Farzana Binti Amali1Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah (2020) yang bertajuk Kritikan Sosial dalam Skrip Monodrama

Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan yang bertujuan untuk menganalisis kritikan sosial dalam skrip monodrama D Lampu Hijau. Objektif utama kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti beberapa kritikan sosial masyarakat yang cuba diketengahkan pengarang melalui skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif. Hasil dapatan kajian yang diperoleh ialah kritikan terhadap masyarakat yang menyalahgunakan poligami, kritikan terhadap lelaki yang tidak bertanggungjawab, kritikan terhadap wanita yang tidak bertanggungjawab sebagai seorang isteri kerana sudah bekerjaya, dan kritikan-kritikan sosial lainnya.

#### **2.4.3 Kajian Buku/Majalah**

Di dalam buku Sosiologi Sastra karya Robert Escarpit (2005) ini menyatakan bahawa sastera ini merupakan sebuah buku yang bukan dianggap sebagai sebuah gagasan mahupun pandangan seseorang itu terhadap sastera. Menurut pengkarya juga terdapat satu kegiatan atau lembaga yang berada di antara orang yang menulis dan pemikiran orang yang membaca penulisannya. Pokok utama berkenaan buku ini yang mempunyai bab dan anak bab yang mengandungi produksi, distribusi, dan konsumen bahan pembicaraan berkenaan dengan sosiologi yang terutamanya membicarakan bagaimana sebuah sastera itu berfungsi kepada masyarakat.

Buku yang dihasilkan oleh Dr. St. Laksanto Utomo S. H., M. Hum. (2020) yang bertajuk Buku Ajar Antropologi dan Sosiologi ini merupakan buku yang mengandungi bahan-bahan pembelajaran yang akan diberikan kepada mahasiswa Indonesia di dalam mata pelajaran Antropologi dan Sosiologi Hukum. Buku ini ditulis untuk dijadikan sebagai rujukan kepada mahasiswa untuk mengenali lebih lagi tentang antropologi dan sosiologi

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi adalah kaedah yang terkumpul yang diguna pakai untuk membuat kajian terhadap kajian yang tertentu (Hornby, 1985). Pada bahagian metodologi kajian ini akan menerangkan tentang reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data kajian bagi menjawab setiap persoalan kajian yang telah dikemukakan. Metodologi juga menerangkan langkah dalam menyelesaikan sesuatu masalah di dalam kajian dan cara tertentu yang sesuai digunakan. Metodologi juga bertujuan untuk memahami lebih terperinci kaedah mengaplikasikan dengan cara menghuraikan berkaitan proses kajian. Metodologi kajian merujuk kepada cara yang paling efektif bagi tujuan mendapatkan dan menentukan kaedah yang sesuai bagi menjawab persoalan kajian.

Pengkaji memilih teknik yang sesuai bagi mendapatkan maklumat dan data yang cukup bagi melengkapkan hasil kajian. Di dalam bahagian ini juga pengkaji akan menghuraikan kaedah metodologi yang akan digunakan dengan lebih terperinci bagi menyiapkan laporan ini dengan menerangkan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data yang sesuai, dan kaedah analisis yang efektif bagi kajian ini.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan sesuatu perkara yang penting terutama dalam menjalankan kajian. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam melaksanakan sesuatu kajian iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif.

Kaedah kuantitatif ialah kaedah yang menggunakan statistik iaitu untuk mentafsirkan kajian. Kaedah ini juga memfokuskan kepada kaedah data numerikal dan analisis statistik data berangka, ia dikumpul dengan kaedah kajian tinjauan yang bersifat makro. John W.Cresswell (2008) menyatakan di dalam jurnalnya tentang kaedah kualitatif iaitu kajian ini merupakan jenis kajian penyelidikan. Di dalam pendidikan pengkaji berhak memutuskan kajian apa yang ingin dilaksanakan dan boleh bertanyakan soalan khusus, meringkaskan skop

soalan, data dikumpul daripada responden, menganalisis angka dengan menggunakan statistik dan inkuiiri dalam bentuk objektif.

Kaedah kualitatif merupakan sebuah kaedah yang merujuk kepada satu kajian penyelidikan yang bergantung kepada seorang responden, soalan yang ditanyakan luas dan bersifat umum, data yang dikumpul menjadi bentuk perkataan, atau sebuah teks, dan inkuiiri yang dijalankan berbentuk subjektif dan bias. John Schostak (2002) ada menyatakan bahawa kaedah kualitatif ini merupakan sebuah kajian yang bersifat semulajadi iaitu spesifikasi statistiknya tidak dipatuhi dan dapatan kajiannya tidak dapat digeneralisasikan. Akan tetapi, kajian kualitatif ini menjadi pendukung kepada kajian statistik iaitu ia tidak boleh diukur. Di antara kedua-dua kaedah ini pengkaji telah memilih kaedah kualitatif sebagai kaedah kajian.

### **3.3 Pengumpulan Data**

Pengumpulan data merupakan suatu proses yang mengumpul dan juga mengukur maklumat iaitu berdasarkan pembolehubah yang disasarkan di dalam sesebuah sistem yang sudah ada, ia juga boleh menjawab soalan yang relavan dan dapat menilai keputusan yang berkemungkinan. Pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh pengkaji dalam mengumpul data. Pengumpulan data ini amatlah penting bagi pengkaji dalam menjawab setiap persoalan kajian. Data ini memiliki dua kategori iaitu kategori data primer dan kategori data sekunder.

Data primer merupakan sebuah data yang asalnya di ambil dari sumber asli yang dikumpulkan untuk menjawab persoalan kajian, perkara ini dinyatakan oleh Yusof (2003). Kesemua data yang diperoleh akan dikumpulkan oleh penyelidik iaitu melalui proses eksperimental atau kajian lapangan. Contohnya, kajian soal selidik, temu bual, pemerhatian dan lain-lain. Ia juga sebuah data yang tidak tersedia di dalam fail atau laporan.

Data sekunder pula ialah data yang dikumpulkan oleh pengkaji lain sebagai rujukan (Marican, 2005). Contohnya, semua data yang lepas dikumpul untuk dijadikan kajian. Kesemua data tersebut digunakan kerana masih sesuai dan relevan bagi menjawab persoalan kajian atau dijadikan sebagai pengembangan informasi yang baru sebagai kajian kini. Setiap maklumat atau bahan yang diterbitkan pengkaji lain boleh dijadikan sebagai rujukan. Contoh data sekunder yang boleh diambil adalah dokumen awam iaitu laporan formal, penduduk, arkib, demografi penduduk dan sebagainya.

Pengkaji memilih data sekunder sebagai kajian kerana kajian yang dilaksanakan melibatkan kajian pengkaji lain untuk dijadikan sebagai rujukan bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan, dan kaedah internet. Kaedah kepustakaan iaitu pengkaji mencari maklumat di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian bagi melengkapkan objektif kajian dan memastikan maklumat yang dikumpul itu adalah logik dan boleh diterima untuk dijadikan sebagai kajian.

### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan ini adalah sebuah kaedah yang penting bagi seseorang pengkaji itu untuk mengumpulkan data yang diperlukan untuk memahami definisi dan konsep didik hibur serta makna dari teori yang digunakan di dalam pengkajian ini. Ia juga melibatkan berorientasikan dokumentasi, orientasi dokumentasi ialah kaedah mengumpul maklumat dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Pendekatan yang digunakan melibatkan perundingan sumber bertulis seperti buku dan artikel.

### 3.3.2 Analisis Data

Analisis data didefinisikan sebagai proses yang mengolah data yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan informasi yang berguna dalam menyelesaikan masalah. Ia juga boleh didefinisikan sebagai proses yang mengurangkan usaha secara formal dalam menemukan tema dan memberikan hipotesis. (Taylor, 1975). Analisis data juga terdiri daripada dua jenis iaitu analisis

data kuantitatif dan analisis data kualitatif. Analisis data kuantitatif ialah analisis data yang diukur secara scoring dan dinumerikkan.

Setiap data yang diperoleh akan diolah iaitu melalui metode statistik dan komputer. Analisis data kualitatif pula ialah sebaliknya dari analisis data kuantitatif iaitu hasilnya tidak dapat dilihat dari hasil pengiraan. Ia juga mendapatkan data melalui rakaman, catatan, pemerhatian, kepustakaan, temu bual dan sebagainya.

## **5 common methods of Qualitative Data Analysis:**

- Content Analysis
- Narrative Analysis
- Discourse Analysis
- Thematic Analysis
- Grounded Theory

Methods can overlap and may be similar, it's not necessarily one or the other

Rajah 1: Lima kaedah kualitatif

Sumber : Thematic

Pengkaji menggunakan analisis data kualitatif. Analisis data kualitatif dilakukan sewaktu data berlangsung dikumpulkan dan selesainya dalam pengumpulan data mengikut tempohnya (Sugiyono, 2019). Analisis kualitatif memiliki lima teknik iaitu analisis konten, analisis naratif, analisis wacana, analisis tematik, dan teori berasaskan.

### **3.3.2.1 Artikel/Jurnal/Buku**

Artikel atau jurnal atau buku merupakan sumber yang penting bagi pengkaji untuk memperolehi maklumat yang berilmiah. Kajian yang dibuat oleh para pengkaji lain yang mengkaji tentang apa yang dikaji oleh pengkaji boleh dijadikan sebagai bahan yang berilmiah bagi melengkapkan atau memantapkan lagi hasil kajian berdasarkan kajian yang dibuat oleh pengkaji terdahulu.

Dengan adanya artikel atau jurnal atau buku ini pengkaji mudah untuk memberikan konsep atau definisi berdasarkan pandangan yang diberikan oleh tokoh tokoh yang terdapat di dalam artikel atau jurnal atau buku tersebut. Pengkaji mengumpulkan data data lepas atau kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji sebelumnya untuk dijadikan panduan bagi menjayakan kajia yang dijalankan.


### 3.3.2.2 Analisis Visual

Analisis visual ialah kaedah yang mengintegrasikan pengukuran analitikal dan visualisasi maklumat untuk mencipta satu set sistem dan proses pengukuran. Selain itu, Analisis visual melibatkan pemeriksaan seni visual seperti lukisan, gambar dan filem untuk memahami niat artis dan kesan karya itu terhadap masyarakat. Kepentingan sejarah juga boleh dipertimbangkan semasa analisis.

Pemkaji menggunakan kaedah analisis visual terhadap filem Zombie Kampung Pisang untuk mendapatkan maklumat dan bahan sebagai kajian dan bagi memenuhi objektif kajian. Pengkaji akan menonton filem tersebut dengan teliti bagi mendapatkan maklumat yang penting bagi menyiapkan tugas.

Filem Zombi Kampung Pisang adalah sebuah kisah seram komedi yang menceritkan tentang sebuah kampung yang bernama Kampung Pisang yang diserang sekumpulan zombi dan hampir ke semua penduduk di situ menjadi zombi. Mereka yang terselamat mencuba untuk menyerang semula serangan zombi namun gagal. Pada akhirnya, sekumpulan zombi kembali menjadi orang kampung biasa kerana berjaya diubati oleh pihak kesihatan yang berjaya tiba tepat pada masa sebelum mereka yang terselamat diserang.

Pengkaji menganalisis filem Zombi Kampung Pisang di dalam laman sosial Youtube. Pemilik akaun Youtube yang bernama Azida Sabri memuat naik video atau filem tersebut pada 17 December 2019.



Rajah 2: Akaun youtube filem Zombi Kampung Pisang

Sumber: Youtube

### 3.4 Teori

Teori adalah satu pemandangan yang digambarkan oleh seseorang pengkaji atau tokoh dalam memberikan pandangan yang berilmiah. Menurut Agus, Erwan dan Dyah (2007)

menyatakan tentang konsep teori dalam penelitian sosial. Ini menjelaskan bahwa teori terdiri dari konsep-konsep yang saling berhubungan yang digunakan untuk menjelaskan fenomena sosial tertentu. Penulis menekankan pentingnya pemahaman teori bagi peneliti, karena membantu mereka mengidentifikasi dan merumuskan masalah sosial yang dapat mereka pelajari dan kembangkan menjadi hipotesis penelitian.

### **3.4.1 Pengenalan Teori Sosiologi**

Sosiologi ialah satu bidang kajian yang mengkaji tingkah laku manusia dalam persekitaran sosial. Istilah "sosiologi" berasal dari perkataan Yunani untuk kawan dan perkataan Latin untuk pengetahuan, menunjukkan tumpuan untuk memahami hubungan manusia dan interaksi sosial. Para saintis sosial yang berbeza telah memberikan pelbagai definisi sosiologi berdasarkan perspektif dan teori asas masing-masing.

Teori Sosiologi ini didominasi oleh tokoh-tokoh yang terkenal pada ketika itu seperti Comte, Marx, Durkheim, Weber, dan Simmel memainkan peranan yang dominan. Terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh tokoh sosiologi iaitu Comte atau namanya August Comte menyifatkan sosiologi sebagai satu disiplin saintifik yang menggunakan analisis rasional dan logik untuk memahami dan menyiasat fenomena sosial. Dengan mengkaji fenomena ini, masyarakat boleh mengenal pasti

dan meramalkan potensi hasil negatif sebelum ia berlaku. Menurut Karl Marx, dalam The Communist Manifesto, tidak memberikan definisi sosiologi yang jelas, tetapi menurutnya sosiologi boleh digunakan sebagai alat untuk membebaskan masyarakat daripada batasan kapitalisme dan mewujudkan masyarakat tanpa kelas sosial. Terdapat beberapa dasar dalam teori sosiologi ini iaitu teori fungsionalisme struktural, teori konflik, dan teori interaksionisme simbolik.

Selain itu, teori sosiologi sastera muncul pada tahun 1980 dan mendapat populariti. Kini, dalam era pascamoden, ia menjadi pengganti popular untuk perbincangan kesusasteraan berkaitan masyarakat. Pembelajaran tentang teori yang disebut Marxisme, yang banyak digunakan. Ia akan fokus pada beberapa teori besar tentang bagaimana sastera dan masyarakat terhubung. Teori-teori ini disebut Marxisme, strukturalisme genetik, dan dialogisme Bakhtin.

Bagi memahami tentang teori sastera Marxisme ini, hendaklah difahamkan dulu tentang pemikiran atau idealisme yang disampaikan oleh Karl Max itu sendiri. Pandangan Marx dapat dirumuskan bahawa semua masyarakat ini dibangunkan atas dasar konflik dan penggerak dasar bagi semua perubahan sosial iaitu ekonomi.

Teori Marxisme menganggap sastera adalah realiti yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat. Sastera merupakan satu fiksyen yang berasaskan kehidupan manusia dengan segala macam tentang realiti. Penciptaan hasil karya sastera ini dapat menghubungkan sesebuah karya sastera dan masyarakat ini meletakkan bahasa sebagai satu medium untuk menyampaikan sesuatu mesej. Namun di dalam teori Marxis tidak disentuh aspek bahasa sebagai alat komunikasi di dalam sastera. Ia

menganggap bahasa sebuah lambang ideologi, sedangkan bahasa ini memiliki peranan yang lebih luas

Di dalam teori Marxisme ini memiliki lima model iaitu model pencerminan, model penerbitan, model pengetahuan negatif, model genetik dan model berpusatkan bahasa. Model cermin adalah model yang menggambarkan karya sastera itu dengan masyarakat sangat jelas dan tepat, model penerbitan pula sesbuah teks sastera dilihat sebagai bahan penghasilan, penerbitan, dan produksi, oleh itu terdapat unsur di luar konteks sastera seperti percetakan yang mempengaruhi kewujudan teks sastera. Model bahasa ini memberikan sifat bahawa bahasa dan masyarakat tidak boleh dipisahkan kerana bahasa ini memiliki kekuatan dalam proses perubahan dan kemajuan tamadun manusia.

Melalui kelima lima model dari teori Marxisme itu pengkaji memilih model cermin. Model pencerminan ini dianggap sebagai model peniruan kerana model tersebut melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat. Setiap hasil karya sastera itu akan mencerminkan realistik sosial yang berlaku di luar kesusasteraan itu sendiri. Ini boleh dikatakan bahawa karya sastera itu mengambil fenomena fenomena sosial yang benar benar terjadi yang boleh dijadikan sebagai persoalan.

Model cermin atau model peniruan ini dimajukan oleh seorang tokoh komunitis antarabangsa yang terkenal sejak tahun 1920 sehingga tahun 1971 iaitu Georg Lukacs (1983). Bagi Lukacs sastera adalah pengetahuan yang realistik yang telah sedia wujud di luar kesusasteraan. Hasil karya yang terbentuk dengan betul dapat menghasilkan bentuk karya sastera yang mencerminkan dunia realiti. Menurut Lukacs (1976) menyatakan seorang pengkritik sastera hendaklah melihat bagaimana

perbezaan antara karya sastera dan realisme bukan hanya menfokuskan kepada realisme dalam sesebuah karya sastera itu memiliki persamaan dengan realisme di luar sastera.

Model cermin atau model peniruan ini memiliki kelemahannya juga. Teori ini bukanlah sebuah teori sastera yang umum, tetapi merupakan suatu teori sastera yang realistik iaitu lebih banyak memiliki persamaan dengan teori novel. Ini dikatakan demikian kerana, Lukacs lebih fokus kepada karya novel yang dikatakan terpengaruh dengan pandangan oleh Hegel. Selain itu, teori Lukacs ini bukanlah suatu teori pemerihalan, akan tetapi ia lebih kepada bentuk penilaian ke atas sesebuah karya sama ada ia berbentuk realistik atau tidak realistik yang memerlukan perbezaan bentuk yang betul atau bentuk yang tidak betul. Seterunya, teori ini tidak memiliki terlalu banyak perkaitan dengan bahasa. Lukacs lebih cenderung menyentuh bahasa sebagai fungsi atas alat sebagai intisari kesusasteraan, namun sebagai satu media lutsinar. Terakhir, teori ini tidak melihat dengan jelas tentang peranan seseorang pengarang itu, kerana ia lebih fokuskan kepada cerminan dunia di dalam karya sastera berbanding melibatkan kewujudan kreatif pengarang.

### 3.4.2 Kaedah Analisis

Teori Sosiologi iaitu teori Marxisme model cermin atau peniruan amatlah sesuai digunakan bagi kajian terhadap sebuah filem Zombi Kampung Pisang. Hal ini dikatakan kerana, model cermin atau model peniruan ini yang digagaskan oleh Georg Lukacs adalah sebuah model yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Penerapan Didik Hibur Di Dalam Filem Zombie Kampung Pisang Melalui Kehidupan Masyarakat Melayu Sebagai Pengajaran Berdasarkan Kritikan Sosiologi yang bertujuan untuk menyampaikan pesanan kepada masyarakat tentang realiti sebenar yang berlaku melalui filem.

Karya sastera dalam filem Zombi Kampung Pisang ini sesuai menggunakan teori sosiologi iaitu teori Marxisme melalui model cermin atau peniruan yang jelas menggambarkan kehidupan sebenar masyarakat sekarang. Ini juga bersesuaian dengan objektif kajian yang merumuskan tentang kehidupan masyarakat berdasarkan filem tersebut. Ia juga membantu dalam menguatkan lagi sokongan di dalam permasalahan kajian yang memaparkan kehidupan sebenar yang berlaku di luar karya sastera atau dari filem tersebut.


Oleh itu, pengkaji memilih model cermin atau peniruan berdasarkan teori sosiologi oleh Marxisme ini sangatlah bertepatan dengan kajian yang sedang dijalankan ini. Teori sosiologi oleh Marxisme berdasarkan model cermin atau

peniruan ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk mencapai objektif kajian pengkaji.




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.4.3 Kerangka Kajian



### 3.4.4 Kerangka Teori



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.5 Penutup

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan satu kaedah yang amat penting di dalam sesuatu kajian untuk mendapatkan hasil kajian atau mencapai objektif kajian. Pemilihan kaedah metode juga penting bagi memastikan hasil akhir kajian bertepatan dengan objektif kajian. Pengkaji memilih metode iaitu kaedah kualitatif bagi menjawab setiap objektif kajian bagi mendapatkan hasil yang diinginkan pengkaji. Oleh itu, metode ini amatlah penting dan merupakan kaedah yang tidak sepatutnya pengkaji abaikan kerana setiap kajian itu pasti memiliki cara atau kaedah mereka tertentu untuk mendapatkan hasil kajian.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENDAHULUAN

Di dalam bab empat ini, pengkaji akan mengemukakan analisis dan dapatan kajian secara lebih terperinci terhadap kajian yang dijalankan. Dapatan kajian ini dibincangkan mengikut susunan daripada objektif kajian, iaitu:

- i. Menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.
- ii. Menghuraikan kritikan sosiologi yang dipaparkan di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang.
- iii. Merumuskan didik hibur yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* untuk dijadikan sebagai pengajaran.

Setiap objektif kajian yang dikemukakan akan mengikut pada langkah-langkah tersebut iaitu pengkaji akan menganalisis data dengan menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem Zombi Kampung Pisang. Selain itu, pengkaji akan membuat huraian terhadap kritikan sosiologi di dalam filem Zombi Kampung Pisang dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang. Akhir sekali, pengkaji akan merumuskan hasil kajian yang diperolehi iaitu merumuskan didik hibur yang terdapat di dalam filem Zombi Kampung Pisang untuk dijadikan sebagai pengajaran.

#### **4.2 Konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem Zombi Kampung Pisang.**

Di sini pengkaji akan mendedahkan konsep didik hibur yang terdapat di dalam filem Zombi Kampung Pisang. Terlebih dahulu pengkaji akan memecahkan beberapa bahagian berkenaan dengan ciri-ciri didik hibur yang ada di dalam filem Zombi Kampung Pisang. Antaranya ialah lakonan, nyanyian, jenaka, permainan muzik dan terdapat juga unsur estetik.

#### 4.2.1 Lakonan

Lakonan merupakan salah satu konsep yang ada di dalam didik hibur, lakonan merupakan ciri yang boleh memberikan pembelajaran dan pengajaran yang berkesan bagi masyarakat dan golongan remaja. Lakonan yang baik memberikan kesan positif serta boleh dijadikan ikutan bagi masyarakat serta teladan yang boleh dicontohi. Ia juga satu bentuk penceritaan yang melibatkan meniru dan mengalami pelakon (watak) lain dalam sesebuah cerita. Ia juga adalah salah satu aspek terpenting dalam produksi teater atau filem. Lakonan itu sebenarnya akan menghidupkan teks, bukan hanya sebagai bahan untuk dibaca, tetapi lebih daripada pertunjukan untuk ditonton: anda juga akan dapat mendengar keindahan dialog. Selain itu, lakonan juga merupakan satu bidang di mana seseorang itu digelar pelakon untuk melakonkan sesuatu aksi atau watak yang dilakonkan bagi memberi kefahaman kepada penonton atau penonton tentang apa yang dilakonkannya. Tindakannya juga boleh menjadi "pengantara" antara dunia realiti dan dunia di mana dia bertindak.

Menurut Bella Merlin (2010), lakonan adalah satu proses tindakan yang telah berkembang secara dramatik sejak empat ratus tahun yang lalu, tetapi yang lain tidak menganggapnya sebagai bentuk evolusi. Di dalam bukunya yang bertajuk *Acting: The Basics* by Bella Merlin menerangkan pelbagai asas di dalam sesebuah lakonan, menurutnya juga asas ialah panduan praktikal dan teori kepada dunia pelakon profesional, dengan mahir menggabungkan idea daripada pelbagai pengamal dan

menghubungkan akademi dengan industri. Ia merangkumi bidang utama seperti pembangunan drama moden dan proses lakonan selama bertahun-tahun pendekatan dan warisan perintis lakonan dan pengamal dari seluruh dunia teknik dan praktikal lakonan, termasuk latihan, uji bakat, latihan dan persesembahan yang baik untuk pentas dan kamera. Lengkap dengan glosari terma dan cadangan laman web yang berguna, ini adalah pengenalan yang sesuai untuk sesiapa sahaja yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang amalan lakonan dan orang yang telah memajukan evolusinya. manakala menurut John Harrop (1992), lakonan ini bertindak seolah-olah ironi adalah mudah, mempunyai teknik yang lebih baik, dan mudah difahami. John Harrop juga membuat kajian tentang cara kita berfikir dan bercakap tentang lakonan. Menangani dirinya kepada masalah intelektual yang berkaitan dengan idea lakonan, ia meliputi pelbagai latihan dan amalan pelakon dari Stanislavski hingga Pasca-Moden, dan melihat tujuan rohani dan moral bertindak dalam masyarakat: bahaya dan pengorbanan diri. Pemikiran yang dibawa kedua-dua tokoh tersebut menunjukkan bahawa lakonan ini merupakan sebuah perkembangan kepada gerak badan agar ia menjadi lebih baik apabila diasaskan dengan cara yang betul apabila dipentaskan.

Lakonan juga merupakan aktiviti di mana orang memainkan watak tertentu dalam skrip. Permainan yang berbeza boleh diterangkan dan dikaitkan bersama-sama, dan pelajar boleh menyertainya selepas menerima kata kunci dan menyaksikan demonstrasi oleh guru. Kemudian skrip, iaitu pementasan sesuatu peristiwa atau cerita berdasarkan senario yang disediakan oleh pengarah. Tambahan pula, permainan senyap ialah aktiviti permainan yang memerlukan hanya menggerakkan anggota badan tanpa menggunakan suara. Wayang kulit ialah pertunjukan boneka,

iaitu penggunaan boneka sebagai pelakon. Akhir sekali, adalah lakonan spontan di mana pelakon mentafsir sesuatu peristiwa atau cerita secara spontan atau tanpa persediaan selepas mendapat cadangan atau arahan daripada pengarah. Di sini juga dapat disimpulkan bahawa lakonan merupakan peniruan sesebuah watak tentang kehidupan dan ia juga boleh dikatakan sebagai sebuah gambaran terhadap sesuatu kehidupan sesebuah makhluk. Hidup dan kehidupan adalah talian hayat manusia. Di sana akan menemui bagaimana seorang manusia itu mengatasi kesukaran yang dia hadapi, sama ada dia mampu melawannya atau sama ada dia berputus asa. Ia bergantung kepada apa yang penulis mahu. Peristiwa ini harus dipersembahkan dengan cara yang dramatik untuk menjadikan sesebuah lakonan itu menyeronokkan untuk ditonton. Sebenarnya konflik yang dihadapi manusia ialah soal hidup dan mati, antara kehendak dan ketundukan, antara hak dan kewajipan, antara diri dan masyarakat, antara manusia dengan Tuhan. Walaupun dikatakan inilah tema cerita ini adalah kebenaran hidup, lakonan bukanlah realiti sebenar, tetapi berkat kepintaran penulis dan pengarah di dalam menghasilkan sesebuah cerita.

Di dalam filem Zombi Kampung Pisang terdapat unsur didik hibur iaitu lakonan. Filem ini terdapat banyak lakonan yang memberikan pendidikan kepada masyarakat. Bukan sahaja memberikan pendidikan dalam bentuk lakonan malah memberikan pengajaran dan moral yang boleh dijadikan ikutan kepada masyarakat terutama golongan muda zaman sekarang. Kita ketahui anak muda zaman sekarang lebih tertarik dengan artis kegemaran mereka untuk dijadikan ikutan atau idola mereka. Pemilihan pelakon yang baik dan memiliki pengaruh yang besar terutama dalam media sosial juga adalah salah satu langkah yang tepat yang dilakukan oleh

seseorang pengarah dalam menghasilkan cerita yang berunsurkan moral dan pengajaran. Sebagai contohnya, di dalam filem Zombi Kampung Pisang terdapat pelakon yang tidak asing di tanah air iaitu Dato' Awie yang merupakan watak utama di dalam filem tersebut yang memainkan banyak peranan di dalam menyampaikan mesej kepada golongan muda bahkan golongan tua. Lakonan yang dimainkan oleh beliau dan juga penduduk kampung yang bersatu hati dan bekerjasama dalam memerangi serangan zombi yang menyerang kampung mereka boleh dijadikan sebagai didik hibur kerana di situ boleh dijadikan sebuah pembelajaran di dalam kehidupan bermasyarakat terutama golongan muda yang hidup di dalam kelompok bermasyarakat yang pelbagai etnik dan kaum. Lakonan yang baik dan perwatakan yang baik di bawa oleh pelakon yang memiliki pengaruh tinggi terhadap masyarakat adalah sebuah gabungan yang terbaik dalam menyampaikan sesuatu mesej dan pengajaran untuk dijadikan sebagai pembelajaran dalam kehidupan.

#### 4.2.2 Nyanyian

Nyanyian atau bernyanyi merupakan aktiviti yang hampir keseluruhannya digemari oleh masyarakat. Nyanyian ini telah didedahkan sejak zaman pra sekolah iaitu nyanyian patriotik atau lagu kebangsaan. Golongan masyarakat amat menggemari nyanyian kerana dianggap boleh menenangkan hati. Nyanyian atau


bernyanyi ini merupakan salah satu konsep didik hibur yang boleh dikatakan memberikan kesan yang positif dalam membentuk masyarakat terutama dalam menarik minat mereka untuk mendengarnya atau terdedah lagi dengan perkara yang positif. Ia juga merujuk kepada proses membuat suara didengar dalam bentuk tertentu untuk menghasilkan nada dan melodi yang menyenangkan. Ia adalah salah satu aktiviti manusia yang bertujuan untuk menggembirakan hati. Nyanyian boleh dilakukan dengan alat muzik atau hanya dengan bertepuk tangan, dan sebagainya. Ia memerlukan kreativiti manusia dan dianggap sebagai salah satu cabang seni. Sesiapa yang menyanyi dipanggil penyanyi.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005), nyanyian bermaksud gubahan muzik yang dinyanyikan dengan suara. Apabila kita menyanyi, kita perlu memahami unsur-unsur seni lagu tersebut supaya dapat kita aplikasikan ketika belajar. Dengan menyanyi kita memudahkan proses pembelajaran kerana melodi yang dimainkan memudahkan untuk menghafal lirik melalui bait-bait lagu dan memudahkan pelajar menyebut, memahami dan menghayati apa yang ingin disampaikan dengan muzik tersebut. Nyanyian atau bernyanyi menurut Rasyid (2010) menyatakan bahawa bernyanyi adalah kegiatan muzik yang fundamental kerana dapat mendengar dari indranya sendiri, menyuarakan pelbagai nada tinggi dan irama muzik dengan suaranya sendiri. Nyanyian juga adalah salah satu perwujudan bentuk penyataan atau pesanan yang dimiliki dan menggerakkan hati, dan berwawasan cita rasa keindahan. Beliau juga menyatakan nyanyian ini sangatlah memberikan manfaat yang baik terutama kepada kanak-kanak terhadap nyanyian. Pernyataan beliau iaitu menyatakan bahawa "kesan positif nyanyian pada kanak-kanak terhadap perkembangan otak,

personaliti dan perkembangan intelek adalah ketara": mendengar dan menghargai nyanyian, mengalami kegembiraan semasa menyanyi, meluahkan fikiran dan perasaan, belajar mengawal suara sendiri, menemui sendiri perasaan dalaman terhadap diri mereka, keupayaan untuk menunjukkan diri, keupayaan untuk menjadi kreatif dan menyampaikan pemahaman tentang sisi manusia. Oleh itu, mengajar muzik kepada kanak-kanak sebagai aktiviti yang baik dan berkesan untuk mengukuhkan sahsiah kanak-kanak sudah tentu tidak terlepas daripada peranan kepimpinan guru yang optimum.

Filem Zombi Kampung Pisang ini terdapat metod nyanyian atau bernyanyi yang merupakan salah satu ciri didik hibur. Di dalam filem tersebut terdapat beberapa nyanyian yang memberikan kesedaran kepada masyarakat dan memberikan pengajaran kerana nyanyian tersebut bertujuan untuk memberikan nasihat. Sebagai contohnya, di durasi 1 jam 3 minit 16 saat yang menunjukkan dua watak yang sedang berhadapan dengan sekumpulan zombi menyanyikan lagu negaraku sehingga membuatkan sekumpulan zombi berhenti menyerang dan menghormati lagu tersebut.

Selain itu, pada durasi 1 jam 24 minit 57 saat, menunjukkan sekumpulan zombi berbaris sambil menyanyikan lagu patriotik dengan teratur tanpa ada perselisihan faham antara mereka. Ini jelas dapat digambarkan bahawa filem ini memiliki unsur didik hibur yang boleh memberikan pengajaran dan teladan kepada masyarakat.



Rajah 3: Durasi 1 jam 3 minit 16 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)



Rajah 4: Durasi 1 jam 24 minit 57 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)

Rajah 3 menunjukkan dua watak sedang menyanyikan sebuah lagu ‘Negaraku’ yang merupakan lagu kebangsaan negara sehingga menyebabkan sekumpulan zombi berhenti menyerang mereka bagi menghormati lagu kebangsaan tersebut babak ini muncul pada durasi 1 jam 3 minit 16 saat. Pada rajah 4 pula, sekumpulan zombi sedang beratur dengan tertib sambil meletakkan tangan di bahu rakan mereka sambil menyanyikan lagu patriotik yang berlaku pada durasi 1 jam 24 minit 57 saat. Di sini dapat disimpulkan bahawa nyanyian merupakan satu unsur atau ciri yang baik dalam mendidik kerana alunan muzik dan nyanyian yang disampaikan memiliki mesej serta pengajaran yang mampu memberikan emosi yang baik terutama dalam nyanyian lagu patriotik. Dengan adanya nyanyian dan alunan musik yang

bersemangat boleh membuatkan jiwa atau emosi seseorang itu dilahirkan dalam diri mereka.

#### **4.2.3 Jenaka**

Jenaka merupakan salah satu konsep didik hibur yang berkesan dalam menarik minat golongan masyarakat tidak kira dari peringkat umur kerana jenaka merupakan unsur yang menjadi pilihan bagi masyarakat untuk menghiburkan hati dan menghilangkan tekanan di dalam diri. Jenaka ditakrifkan sebagai perbuatan atau perkataan yang menggembirakan hati dan membuatkan penonton tidak dapat berhenti ketawa. Jenaka biasanya cerita lucu atau susunan perkataan yang berbentuk lucu. Terdapat pelbagai kategori jenaka, daripada jenaka yang boleh menjadi jenaka kepada jenaka yang mempunyai pelbagai makna. Ini bermakna ia adalah perkara biasa bagi kumpulan tertentu, tetapi menjadi musuh kumpulan sasaran yang lain.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat perkataan jenaka bermaksud perbuatan atau kata-kata yang menggelikan hati dan lawak, ianya membuatkan penonton-penonton tidak dapat menahan ketawa. Menurut Kamus Wilkinson (1932), istilah jenaka bermaksud gurauan dengan maksud tersembunyi. Secara umumnya, jenaka dalam Alam Melayu telah lama wujud. Jenaka berfungsi sebagai mesej moral dan alat pengajaran. Malah, unsur jenaka boleh didapati dalam cerita rakyat, hiburan,

dongeng, boneka dan banyak lagi. Watak jenaka dalam cerita rakyat sering dikaitkan dengan kualiti negatif. Cerita jenaka ini bukan sahaja dianggap sebagai hiburan. Ia juga mempunyai mesej moral yang ingin disampaikan terutamanya dari generasi tua kepada generasi muda. Oleh itu, Winstedt dan Sturrock (1941) mengklasifikasikan watak jenaka Melayu kepada tiga watak utama iaitu wira (hero), penjahat (villains) dan si bodoh (fools).

Liaw Yock Fang di dalam bukunya iaitu Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik (2011), menyatakan bahawa jenaka juga bermaksud bijak, berakal dan cerdik taktikal. Cerita jenaka ialah cerita tentang watak lucu, tidak masuk akal, atau licik. Jenaka ini datang dari kecenderungan manusia untuk berlebih-lebihan. Sebagai contoh, apabila watak bercakap tentang kebodohan manusia, watak mencipta perwatakan yang sangat bodoh. Untuk menceritakan kisah kebahagiaan manusia, muncul pula watak yang sangat gembira, begitu juga dengan beberapa cerita dan watak lain. Kisah lucu ini sebenarnya adalah sebahagian daripada sastera dunia. Uilenspiegel ialah watak komik yang paling terkenal dalam kesusasteraan Jerman dan Belanda. Dalam kesusasteraan Arab-Turki beliau dipanggil Jaha atau Khoja Nasreddin. Jenaka yang melibatkan peristiwa lucu masa lampau terbahagi kepada dua jenis: cerita lucu tempatan dan cerita lucu yang mempunyai pengaruh luaran atau luaran. Cerita jenaka yang sangat popular di dalam sastera Melayu ialah seperti *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai* yang diterbitkan di dalam satu kumpulan cerita yang bertajuk Cerita Jenaka. Akan tetapi menurut R.O. Windstedt berpendapat bahawa hampir keseluruhan cerita jenaka ini berasalnya dari India (Windstedt, 1920). Menurut Taib Osman (2007) menyatakan

bahawa cerita rakya ini dikategorikan sebagai sebuah cerita jenaka. Hal tersebut dinyatakan oleh beliau kerana apabila memiliki unsur lawak atau lucu yang menimbulkan rasa geli hati terhadap pendengarnya. Unsur lucu yang ingin dimaksudkan oleh beliau ialah merujuk kepada sesuatu yang dipandang itu lucu dan memiliki unsur jenaka, memiliki makna yang hampir sama dengan *humour*. Makna *humour* ini di dalam bahasa Inggeris yang bermaksud perkara yang mencuit hati, menghiburkan dan membuatkan orang tertawa.

Terdapat begitu banyak unsur jenaka di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* ini dan hampir keseluruhan babak memiliki unsur jenaka, unsur jenaka ini wujud di dalam filem ini bagi menarik ramai masyarakat untuk menonton filem tersebut. Di dalam jenaka terdapat pengajaran yang diselitkan untuk memberikan nilai moral yang baik kepada masyarakat. Di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* unsur jenaka yang digunakan tidak memberikan kesan negatif, para pelakon menghasilkan jenaka tidak melibatkan perkara yang menyentuh sensitiviti malah mencuit hati banyak penonton dengan aksi dan gelagak yang dipamerkan oleh para pelakon. Oleh itu, di dalam menyampaikan pengajaran dan mesej yang ada di dalam filem ini hendaklah menjauhi dari perkara yang negatif untuk dijadikan sebagai bahan lawak.

#### 4.2.4 Muzik

Di dalam didik hibur terdapat muzik yang merupakan satu medium hiburan yang amat digemari golongan masyarakat. Muzik juga sangatlah penting dalam memainkan peranan bagi sesebuah filem. Bagi mendidik, muzik merupakan konsep yang tepat bagi didik hibur untuk menarik minat masyarakat terhadap pembelajaran. Masa sekarang pendedahan terhadap pembelajaran banyak digunakan oleh pengajar sekarang untuk memupuk minat pelajar mereka terhadap pembelajaran dengan menggunakan muzik.

Muzik dikatakan muncul seusia dengan kewujudan manusia homo-sapien moden, 180,000 hingga 100,000 tahun dahulu. Tiada siapa yang tahu bila manusia mula mengenali seni dan muzik. Penemuan arkeologi di tempat-tempat seperti benua Afrika sejak kira-kira 180,000 hingga 100,000 tahun dahulu telah menunjukkan perubahan evolusi dalam otak manusia. Berkat keupayaan otak ini, bahasa komunikasi mula terbentuk di antara mereka. Semasa mereka berpindah-randah, mereka menyaksikan pelbagai fenomena alam, termasuk kilat yang menyebabkan kebakaran hutan. Daging haiwan yang dibakar dalam api mempunyai rasa yang berbeza dan lebih enak. Kemudian dia berfikir tentang cara membuat api untuk memasak, memanaskan badan, dan menjauhi binatang buas yang menggunakan api. Selepas mereka makan tengah hari dan makan apa yang mereka tangkap pada siang hari, mereka bercakap dan bercerita tentang masa lalu mereka. Bentuk pendidikan

dan hiburan manusia terawal.Sama seperti sekolah dan televisyen hari ini. Salah seorang daripada mereka mungkin datang dengan idea untuk meniup tulang liar kering yang membentuk makanan mereka ke dalam gua, membuat bunyi. Sesetengah orang juga mendapat inspirasi daripada memerhati alam semula jadi apabila angin meniup udara ke dalam rongga dalam kayu atau buluh yang menghasilkan bunyi. Satu lubang ditebus di dalam kayu dan ditiup ke dalam seruling lama. Orang ramai meluahkan perasaan takut dan gembira melalui suara mereka.Bermain dengan suara mereka menjadi lagu, syair atau lagu pendek yang diilhamkan oleh kicauan burung. Kayu dan batu keras dipukul untuk menghasilkan bunyi yang merdu dan berirama. Mungkin mereka secara tidak sengaja melanggar pokok berlubang itu dengan batang kayu sehingga menimbulkan bunyi yang kuat. Malah kulit haiwan yang mereka gunakan sebagai pakaian diletakkan di dalam gendang dan dipukul mengikut irama kuno hingga menutup rongga kayu yang besar (Mithen, 2005).

Muzik ialah seni dan sains yang menggabungkan bunyi vokal dan/atau instrumental, termasuk bunyi semula jadi, alam sekitar atau buatan, dengan cara yang konsisten dengan estetika, minda dan emosi manusia yang mungkin juga dicerminkan dalam budaya tertentu serta dianggap memuaskan. Muzik ialah bunyi yang disusun secara sistematik dan mempunyai kualiti yang tersendiri. Untuk mencipta muzik berkualiti tinggi, anda perlu menyusun elemen muzik dengan betul dan terperinci. Unsur-unsur muzik ini termasuklah irama, melodi, harmoni, nada, struktur, bentuk dan ekspresi.

Menurut Campbell (1995), muzik ialah seni yang memfokuskan kepada aspek auditori atau auditori. Oleh itu, muzik boleh diperkenalkan kepada bayi dan kanak-

kanak prasekolah dalam bentuk unsur muzik. Untuk menentukan sama ada kanak-kanak prasekolah boleh mendapat manfaat daripada pendidikan muzik yang berkualiti, penekanan harus diberikan kepada pengetahuan dan penghayatan pembelajaran. Penghayatan yang mendalam membawa kepada pelaksanaan atau penggunaan pengetahuan yang lebih berkesan. Walau bagaimanapun, tidak ada peraturan yang ditetapkan dalam bahasa muzik sejak zaman purba. Malah, ia telah mengalami banyak perubahan dan berkembang dari semasa ke semasa. Menurut Armodeo (2014) berpendapat bahawa seseorang individu di antara semua masyarakat manusia boleh merasakan muzik dan sensitif secara emosi terhadap bunyi. Beliau juga berpendapat bahawa aktiviti kumpulan yang menyeronokkan seperti bermain muzik dan membuat persembahan menyebabkan individu mengeluarkan sejumlah besar endorfin, yang berlaku secara kolektif apabila berbilang orang mendengar melodi pada masa yang sama. Melalui penyelarasan ini, yang membolehkan muzik menyampaikan perasaan dan emosi asas, "keadaan emosi umum semua ahli kumpulan" boleh dicapai.

Di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* muzik memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan sebuah filem yang menarik dengan pelbagai bunyi dan alat muzik yang dimainkan. Di dalam filem ini memiliki muzik yang bertepatan dengan konsep didik hibur iaitu mendidik sambil berhibur dengan pelbagai alunan muzik yang dimainkan di dalam filem ini. Anatara contoh muzik yang dimainkan adalah muzik patriotik, muzik yang menghiburkan, muzik yang menghasilkan suasana yang seram dan lain-lain lagi.

#### 4.2.5 Unsur Estetik

Estetik atau estetika ini merupakan salah satu konsep didik hibur juga. Unsur yang estetik juga boleh menarik minat masyarakat terhadap sesuatu perkara. Konsep didik hibur melalui unsur estetik amatlah memuaskan kerana ia berkait dengan falsafah seni. Antara unsur estetik yang dimaksudkan seperti penggunaan warna yang menarik dan bersesuaian, tempat yang menarik atau kawasan yang indah.

Estetika ialah kajian tentang deria atau nilai emosi atau pertimbangan perasaan dan perasaan. Estetika ialah subdisiplin aksiologi, cabang falsafah, dan sering dikaitkan dengan falsafah seni. Menurut Van Mater Ames (1953), estetika ialah kajian yang berkaitan dengan penciptaan, penghayatan dan kritikan karya seni dengan aktiviti manusia dan peranan seni dalam perubahan dunia.


Menurut Rahman Shaari (2001), estetika merujuk kepada nilai keindahan dalam sesebuah karya sastera. Nilai yang diinginkan adalah berkaitan dengan perasaan manusia dan bersifat subjektif. Sebagai contoh, mungkin pembaca pertama akan mendapatkan karya itu bernilai estetik, tetapi pembaca kedua tidak. Oleh itu, menurut Rahman Shaari (2001), dalam kes sesebuah karya, nilai estetika ditentukan oleh aspek teknikal dan stilistik. Walaupun kehadiran kandungan yang baik tidak menjamin nilai estetika yang tinggi, tetapi keseimbangan semua elemen ini dalam karya sangat diperlukan.

Di filem *Zombi Kampung Pisang* terdapat banyak unsur estetik seperti tingkah laku seseorang watak yang boleh membuatkan penonton terhibur dan menyukainya. Terdapat penggunaan bahasa yang estetik serta suasana kampung yang indah dengan pelbagai tumbuhan yang hidup di kampung tersebut. Sebagai contoh, suasana sawah padi yang dipaparkan cukup luas dan menarik. Selain itu, tingkah laku yang estetik yang ditonjolkan oleh watak dengan menampilkan gaya rambut yang aneh apabila mengalami perasaan takut sewaktu melihat sepasang zombi yang berada di sawah padi.



Rajah 5: Durasi 23 minit 6 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)



Rajah 6: Durasi 23 minit 26 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)

Rajah 5 menunjukkan paparan sawah padi yang luas terbentang di waktu malam yang agak estetik, ini muncul pada durasi 22 minit 18 saat di dalam filem tersebut manakala pada rajah 6 pula dipaparkan satu watak yang kelihatan ketakutan sehingga menyebabkan rambutnya terpacak tinggi sehingga menimbulkan nilai estetik, babak tersebut ada pada minit ke 23, di mana watak tersebut terkejut kerana penampakan sepasang zombi yang sedang menuju ke arah watak tersebut. Jelas di sini nilai estetika yang ada bukan sahaja dari segi pemandangan yang cantik di dalam filem malahan perubahan bentuk terhadap seseorang individu itu juga boleh menimbulkan estetika yang mampu membuatkan watak tersebut kelihatan aneh dan menarik.

#### **4.3 Kritikan sosiologi yang dipaparkan di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang.**

Di dalam objektif dua ini pengkaji akan menghuraikan tentang kritikan sosiologi yang terkandung di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang. Kita ketahui begitu banyak aktiviti sosial yang tidak sihat dilakukan oleh masyarakat masa kini terutama golongan muda yang banyak terjebak dengan gejala negatif. Objektif ini akan memaparkan perkaitan kehidupan sosial di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan kehidupan realiti yang begitu banyak ke arah negatif. Tujuan objektif ini juga menyedarkan kepada golongan masyarakat bahawa kehidupan sosial yang ada dalam filem tersebut jelas ada di dalam kehidupan realiti terutama di persekitaran mereka. Bagi menghuraikan kritikan sosiologi ini, pengkaji menggunakan teori sosiologi model cermin bagi mendapatkan perkaitan atau hubungan filem dengan kehidupan masyarakat sekarang.

Istilah kritik berasal daripada bahasa Yunani kuno iaitu krites yang bermaksud hakim. Dalam konteks ini, kritikan paling baik difahami sebagai percubaan untuk menilai atau memutuskan sama ada nilai karya sastera itu positif atau negatif. Tradisi kritikan sastera bermula di Barat semasa kemuncak tamadun Yunani sekitar 500 SM. Hashim Awang (1988) menyatakan bahawa perkembangan dunia kritikan sastera di Barat semakin pesat sehingga pelbagai aliran berjaya muncul dan menjadi asas kritikan sastera, mempengaruhi corak dan

aktiviti kritikan di banyak negara termasuk Malaysia. Menurut (H. B. Jassin. 1991), kritikan bermaksud penjelasan dan penilaian, disertai dengan penerangan dan pertimbangan tentang sisi positif dan negatif karya. Manakala istilah sosial menurut Poerwadaminto (1986) pula merujuk kepada semua perkara yang berkaitan dengan masyarakat atau kemasyarakatan. Oleh itu, disimpulkan bahawa kritikan sosial merujuk kepada penilaian atau kajian keadaan masyarakat pada masa tertentu.

Kritikan sosial merupakan salah satu tindakan untuk membanding, mengamati dan juga untuk menilai sesuatu perkembangan secara teliti terhadap kesan baik atau kesan buruk yang harus ada di dalam kehidupan masyarakat, pernyataan ini dinyatakan oleh Herman J. Waluyo, (1987). Fungsi kritikan sosial dalam sastera juga berfungsi untuk mengingati masyarakat. Selaras dengan pendapat yang diberikan oleh Burhan Nurgiyantoro (2005) iaitu menjelaskan bahawa karya sastera muncul melalui fenomena nyata yang berlaku dalam kehidupan sosial masyarakat. Di mana kritikan sosial yang diungkapkan dalam karya sastera adalah berdasarkan kehidupan manusia di persekitarannya. Sebagai contoh, diinspirasikan daripada kisah Mat Jenin, penulis mengkritik mereka yang suka bermimpi tanpa berusaha untuk mengejarnya dan yang pasti akan gagal. Di mana, mengikut cerita Mat Jenin, Mat Jenin yang gemar bermimpi, terjatuh ketika memanjat pokok kelapa kerana larut dalam mimpinya. Jelaslah bahawa kritikan sosial sebenarnya mempunyai fungsi memberikan peringatan yang ditujukan kepada masyarakat.

Teori sosiologi sastera ini muncul dan menjadi popular pada tahun 1980-an. Sebelum ini, perkataan sosiologi sastera atau epistemologi, yang berkaitan dengan hubungan antara sastera dan masyarakat, tidak digunakan. Sejak permulaan pascamodenisme, sosiologi sastera telah menikmati populariti yang besar dan mengantikan perbincangan sastera

berkaitan masyarakat. Sebelum ini telah pun ditemui teori Marxisme, yang tersebar luas. Oleh itu, dalamuraian teori sosiologi kesusasteraan ini, akan memfokuskan kepada beberapa teori penting yang berkaitan dengan hubungan antara sastera dan masyarakat. Teori Marxisme bukanlah sesuatu yang baru dalam kesusasteraan Melayu moden. Ia memiliki sejarah yang panjang. Pemikiran Marx bukan sahaja menggoda dan menjadi rujukan para sarjana lainnya dalam konsep perubahan masyarakat, budaya, ekonomi, juga masuk ke dalam sastera dengan begitu kuatnya. Menurut Jeremy Hawthorn (1994) sejarah perkembangan teori ini dapat dibahagikan kepada dua zaman iaitu pertama pada tahun 1930 dan kedua pada tahun 1960. Zaman pertama adalah asas-asas yang didirikan oleh George Lukacs dengan konsep sastera sebagai cermin dan munculnya realisme sosialis. Zaman kedua, adalah lebih melihat sastera sebagai hasil produksi dan pembentukan keadilan sosial.

Kajian ini menggunakan teori sosiologi model cermin atau ia juga dikenali sebagai model peniruan. Model ini memandang sastera sebagai simbol masyarakat. Ini bermakna hasil karya sastera mencerminkan realisme sosial yang melampaui sastera itu sendiri. Dalam erti kata lain: Sastera bertanya soalan tentang fenomena sosial sebenar. Model ini dibangunkan oleh George Lukacs (1983), seorang tokoh dalam komunisme antarabangsa dari tahun 1920-an hingga 1970-an. Realiti mempunyai bentuk yang digambarkan oleh Lukacs sebagai keseluruhan dialektik di mana semua bahagian bergerak dan berjuang. Agar ini benar-benar dicerminkan dalam kesusasteraan, adalah perlu untuk mengkaji karya penulis dan pereka kreatif. Karya yang direka bentuk dengan betul akan menghasilkan bentuk karya sastera yang mencerminkan bentuk dunia sebenar. Lukacs (1976) menyatakan tentang peranan seseorang pengkritik sastera iaitu pengkritik sastera bukannya menunjukkan sama ada sesebuah karya itu memiliki realisme sama dengan realisme di luar karya. Seseorang

pengkritik haruslah prihatin terutama pada sifat, ciri, dan bentuk kesusasteraan misalnya dari segi jalinan masa dan struktural. Dengan menganalisis terhadap peranan seseorang penulis atau pengkarya, pengkritik akan bertanya tentang pemilihan penulis dari segi jenis watak, teraa, isu-isu yang diperbesarkan oleh seseorang penulis. Realisme hasil kreativiti seseorang penulis sendiri.

#### **4.3.1 GEJALA MELEPAK DALAM KALANGAN REMAJA**

Di sini pengkaji akan mengkritik kehidupan sosial masyarakat yang ada di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan menggunakan model cermin iaitu perkaitan dengan kehidupan sebenar. Antara salah satu isu realiti yang boleh dikaitkan dengan filem *Zombi Kampung Pisang* ialah gejala melepak dalam kalangan remaja zaman sekarang.

Kita ketahui bahawa dunia sekarang kian maju dan membangun, namun dalam membangunnya sesebuah negara makin banyak masalah yang harus diharungi dan dibendung. Perkara ini bukan sahaja berlaku di negara Malaysia malah di negara-negara luar juga turut mengalami masalah tersebut. Gejala melepak ini telah menjadi senario di negara kita. Banyak tempat telah diwujudkan untuk melepak, antaranya perhentian bas, pasar raya, tandas dan lain-lain. Gejala sosial ini disebabkan oleh banyak faktor yang mempengaruhi antara satu sama lain. Antara faktor yang

berkemungkinan berkaitan dengan punca gejala melepak termasuk sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka. Terdapat juga pepatah yang berbunyi, "bagaimana acuan begitulah kuihnya," yang bermaksud baiknya ibu bapa itu maka baiklah anaknya. Ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Jika mereka tidak mendidik anak mereka, maka gagallah mereka untuk bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka.

Remaja berasa lebih baik apabila mereka disayangi dan dijaga, ibu bapa harus menumpukan masa yang cukup untuk membesarakan anak-anak mereka. Selain itu, apabila ibu bapa menghadapi masalah peribadi seperti pertengkaran, perceraian, beban kerja dan sebagainya, masalah ini juga menyebabkan kemurungan dan terjebaknya dalam gejala melepak. Banyak masalah keibubapaan menyebabkan anak-anak terjerumus ke dalam perkara yang tidak baik. Selain itu, suasana rumah membuatkan remaja suka menghabiskan masa di luar, remaja suka bermain apabila tidak bermain di rumah, gejala rehat muncul. Sebagai contoh, jika kita mengambil kira senario menghabiskan masa di kedai mamak, rata-rata pengunjung kedai itu tergolong dalam golongan belia. Persekitaran keluarga juga penting dan diambil kira bagi mengurangkan gejala luaran.



Rajah 7: Budaya melepak

Sumber: Akhbar Metro Gejala Melepak (2014)



Rajah 8: Durasi 3 minit 30 saat

Sumber: Filem Zombi Kampung Pisang (Youtube)

Rajah 7 di atas menunjukkan contoh budaya melepak yang berlaku di Malaysia iaitu melalui akhbar harian Metro yang ditulis oleh Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor pada 18 May tahun 2014 iaitu pada hari Ahad. Gejala ini berlaku di salah satu tempat di Malaysia iaitu di Dataran Seremban di Jalan Sungai Ujong yang merupakan tempat di mana orang ramai untuk beristirehat pada hujung minggu, namun disebabkan gejala ini apabila ia kini menjadi tempat melepak pasangan kekasih memadu asmara pada setiap malam, ini jelas dikatakan oeh wartawan Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor. Melalui isu tersebut kita dapat menilai bahawa budaya ini merupakan budaya yang tidak sihat dan dianggap negatif kerana mampu merosakkan pemandangan atau suasana sesuatu tempat itu. Perkara ini diambil serius kerana mampu mendatangkan kemudaran terutama kepada orang awam. Ini kerana pergaulan sosial di antara lelaki dan perempuan menjadi bebas dan menyebabkan masyarakat di sekitar merasa tidak selesa. Oleh yang demikian itu, budaya melepak atau gejala melepak ini sangatlah memberikan kesan negatif terutama kepada golongan remaja yang mungkin akan terjebak dengan perkara yang lebih berbahaya iaitu terlibat kes jenaya akibat terpengaruh dengan persekitaran yang negatif.

Rajah 8 menunjukkan di mana filem *Zombi Kampung Pisang* ini jelas memaparkan isu gejala melepak di kalangan remaja iaitu pada babak pertama di mana permulaan cerita yang menunjukkan sekumpulan remaja sedang menghabiskan masa mereka dengan melepak. Sekumpulan masyarakat tersebut menghabiskan masa selama 24 jam hanya dengan melepak tanpa melakukan aktiviti lain. Sewaktu mereka melepak, datangnya seorang watak yang bernama Pak Jabit yang menegur

sekumpulan masyarakat tersebut yang dikatakan melepak sejak kelmarin hingga habis waktu subuh. Oleh itu, pengarah filem ini jelaslah memaparkan kehidupan sebenar yang berlaku di negara kita, iaitu gejala melepak masih wujud dalam kalangan masyarakat sekarang tanpa mengira tempat dan di situ juga jelas terlihat bahawa aktiviti melepak ini bukan sahaja menimbulkan prasangka negatif dalam kalangan masyarakat malah ia dianggap buruk kerana mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang muslim iaitu tidak menunaikan solat serta berbohong sewaktu berbicara.

Dalam konteks teori sosiologi model cermin, gejala melepak yang terkandung dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dapat dilihat sebagai cara masyarakat itu menghabiskan masa dengan perkara yang tidak memberikan manfaat kepada diri mereka dan kepada masyarakat lain. Analisis ini meluaskan pemahaman filem sebagai cerminan terhadap realiti sosial yang ingin mengemukakan alternatif kepada norma dan nilai sedia ada. Ia juga memberikan gambaran keseluruhan tentang bagaimana fenomena social yang mencerminkan dan bertindak balas terhadap keadaan sosial sebenar.

#### 4.3.2 Gejala Merempit

Merempit ini pada dasarnya perkataan “rempit” mungkin berasal daripada perkataan Inggeris ramp-it, yang menggambarkan penunggang motosikal yang memulas pedal minyak di jalan raya (litar), yang akhirnya menjadi nama panggilan kepada kumpulan terbabit (Rozmi 2004). Menurut definisi lain berdasarkan Kamal Affendi (Berita Harian 6 November 2006), istilah “rempit” berasal daripada gabungan perkataan “rem” dan “pit”. Perkataan "rem" merujuk kepada tindakan memerah minyak untuk menguji prestasi enjin, tindakan yang sering dilakukan oleh penunggang motosikal, manakala "pit" merujuk kepada trek lumba, iaitu "pit stop". Gabungan kedua-dua perkataan ini menimbulkan istilah “rempit”, yang lama kelamaan menjadi istilah biasa sehingga kini. Selain definisi di atas, istilah Mat Rempit juga merujuk kepada orang yang menyertai perlumbaan haram pada motosikal berkuasa rendah (Rozmi, 2004; Rozmi, 2005). Mungkin juga istilah Mat Rempit berasal daripada perkataan “himpit”. Malah, apabila menunggang motosikal, golongan muda ini berebut-rebut untuk mendahului dengan berzigzag, dan berpusing untuk memotong kenderaan yang lebih besar. Di dalam kajian yang dilakukan oleh Rozmi Ismail dan Boekhtiar Borhanuddin (2015) mendefinisikan rempit seperti mana-mana pertandingan motosikal berkumpulan (2 orang atau lebih) yang melibatkan perlumbaan (seperti pecut atau aksi) yang secara fizikal dicetuskan oleh cabaran melalui isyarat bunyi enjin motosikal (ramp), perbualan atau isyarat tangan. Mat Rempit adalah orang yang terlibat dalam aktiviti ini. Bagi untuk menentukan

seseorang itu adalah Mat Rempit, dia mesti memenuhi semua kriteria berikut iaitu yang pertama dengan menyertai pertandingan motosikal secara berkumpulan secara haram (sekurang-kurangnya 2 orang), yang kedua menyertai aktiviti yang melibatkan perlumbaan dan/atau aksi dan lain-lain). Aktiviti ini di mana kedua-dua pihak akan saling mencabar satu sama lain.

Kebanyakan yang merempit rata-ratanya dari golongan remaja yang akan melakukan aksi rempit pada waktu senja, tengah malam, atau selepas ibu bapa mereka pulang dari kerja. Remaja ini mencuri kunci motosikal atau memberi alasan untuk berjumpa rakan, membeli-belah di kedai berhampiran, atau pergi ke pasar malam. Kebanyakan ibu bapa tidak menyedari aktiviti haram anak remaja mereka atau bertindak seolah-olah tidak tahu mengenainya. Terdapat ibu bapa yang tinggal di luar bandar dan tidak menyedari anak mereka boleh menunggang jauh motosikal sehingga ke Kuala Lumpur. Mereka akan membuat aksi dengan memecut di celah-celah diantara kereta yang sesak di Kuala Lumpur untuk menarik perhatian orang ramai. Di Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, Jalan Ipoh, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Bukit Bintang merupakan jalan yang popular untuk aktiviti haram ini. Aktiviti ini bukan sahaja berlaku di ibu kota Kuala Lumpur malah terdapat banyak negeri yang rata-ratanya golongan remaja yang terlibat dengan aktiviti tersebut. Banyak golongan remaja yang meninggal dunia akibat daripada aktiviti lumba haram tersebut. Terdapat juga ibu bapa yang benar-benar tidak tahu apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Apabila mereka mendapat tahu, mereka marah dan merasa sangat kecewa terhadap kelakuan anak mereka. Ada juga ibu bapa yang berlagak seolah-olah tidak tahu apa yang anak mereka buat. Jika polis menahan anak-anak mereka kerana

pelbagai pelanggaran jalan raya, akan tetapi pihak polis pula yang disalahkan oleh mereka. Sikap ibu bapa seperti inilah yang menyebabkan gejala mat rempit semakin menjadi-jadi. Jelaslah bahawa gejala merempit ini mendatangkan keburukan dan kerosakan terutama kepada golongan remaja, ia mungkin akan merosakkan pemikiran dan masa depan golongan ini. Golongan remaja akan terjerumus ke dalam gejala yang lagi buruk sehingga masuk ke dalam unsur keganasan dan jenayah yang besar.



Rajah 9: Gejala merempit

Sumber: Sinar Harian (2022)



Rajah 10: Durasi 1 jam 9 minit 34 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)

Gejala merempit terus meningkat dari masa ke semasa sehingga penularannya terutama kepada golongan remaja kian meningkat. Ini boleh membuatkan kebimbangan orang awam menjadi takut dan gelisah sewaktu memandu kenderaan kerana mat rempit atau samseng jalanan ini melakukan aksi yang merbahaya yang boleh mendatangkan kemalangan kepada pengguna jalan raya yang lain. Rajah 9 menunjukkan akhbar sinar harian yang berkaitan dengan isu yang berlaku di Malaysia iaitu gejala merempit dalam kalangan remaja, akhbar ini ditulis oleh seorang wartawan yang bernama Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil. Menurut Haris Fadli (2022) menyatakan bahawa gejala merempit ini semakin parah dan merebak sehingga banyak golongan muda terlibat dalam gejala ini. Gejala merempit ini bukan

sahaja berlagak seperti samseng jalanan malah ada sesetengah dari mereka terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral. Menurutnya lagi golongan utama yang terlibat dalam gejala ini berkemungkinan golongan remaja yang berusia lingkungan 20-an.

#### Pendapat beliau berkemungkinan

Selain itu, orang ramai juga tidak suka dengan sikap yang ditunjukkan oleh Mat Rempit ialah motosikal mereka mempunyai ekzos "perang" yang terlalu kuat untuk didengari dari jauh dan mengganggu ketenteraman awam. Masalah itu bukan baharu, malah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran dan penguatkuasaan, malah Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut membantu. Bagaimanapun, dengan percubaan ini terbukti kurang berkesan kerana masih ramai pemilik motosikal yang menggunakan ekzos yang kuat, termasuk penunggang motosikal biasa yang tidak terlibat dalam aktiviti samseng jalanan. Alasan utama yang sering diberikan ialah pemandu perlu peka dengan kehadiran penunggang motosikal di jalan raya bagi mengelak kemalangan. Namun, sesetengah daripada mereka memilih untuk memiliki sistem ekzos yang terlalu kuat, walaupun terdapat jenis yang cukup kuat untuk didengari dan tidak kuat sehingga mengganggu tidur penduduk di sekitar. Bagi pelumba haram, sebab utama mengubah suai ekzos adalah untuk meningkatkan "kuasa kuda" motosikal masing-masing. Sebagai seorang pencinta dunia permotoran, penulis memahami kehendak dan nafsu seseorang penunggang motosikal, namun dalam kita mengejar kelajuan berhentilah sejenak. Lihat sekeliling dan pastikan sudut kita tidak mengganggu orang lain.

Pada rajah 10 menunjukkan di mana satu babak sekumpulan zombi merempit di jalan dan sekitar kampung. Terdapat beberapa zombi melakukan aksi yang merbahaya iaitu dengan menunggang motosikal dengan hanya satu tayar. Babak ini ditunjukkan pada durasi 1 jam 9 minit 34 saat. Ia juga menampilkan begitu banyak masyarakat zombi yang berada di sisi jalan bagi menonton atau menyemarakkan semangat kepada perempit yang melakukan aksi yang berbahaya. Oleh itu, kritikan sosial yang terdapat di dalam filem ini yang berkaitan dengan gejala merempit jelas ada di kehidupan dunia sebenar. Aksi-aksi yang berbahaya ditampilkan turut menunjukkan bahawa masyarakat sekarang terutama golongan muda begitu tertarik akan gejala merempit tersebut. Namun, filem ini bukan untuk mengajar masyarakat berbuat sedemikian namun untuk menunjukkan bahawa gejala ini masih lagi menular dan kekal hingga sekarang terutama golongan muda.

Dalam konteks model cermin teori sosiologi, gejala merempit yang terdapat di dalam filem “*Zombi Kampung Pisang*” boleh ditafsirkan sebagai gambaran ketidakpuasan hati terhadap norma sosial dan ketegangan dalam struktur masyarakat. Tindakan merempit mungkin mencerminkan usaha individu atau kumpulan untuk menyatakan ketidaksetujuan dengan norma sedia ada atau mengatasi perasaan terasing. Dengan menggunakan model cermin sosiologi, filem ini boleh ditafsirkan sebagai representasi fenomena sosial yang mencerminkan ketidakharmonian dalam struktur masyarakat fiksyen ini.

### 4.3.3 Gejala Vandalsme

Pengertian vandalism, menurut kamus dewan adalah satu bentuk jenayah dari segi moral. Vandalsme ialah sebarang perbuatan seperti menconteng, membuang atau memusnahkan harta benda awam. Perkataan vandalism juga berasal daripada nama puak Eropah iaitu Vandal yang memusnahkan kota Rom pada tahun 445 Masihi. Vandalsme ialah sebarang pengubahan seperti melukis, menanda, mengecat, menampal, merosakkan atau memusnahkan harta benda awam tanpa kebenaran pihak berkuasa. Ia juga boleh didefinisikan sebagai sebuah perbuatan yang melibatkan merosakkan atau memusnahkan kemudahan awam atau swasta tanpa sebarang asas undang-undang. Vandalsme menyebabkan kerugian kepada institusi awam dan swasta kerana mereka terpaksa menanggung kos membaiki dan menggantikan barang yang rosak. Vandalsme boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Di sekolah perkataan vandalsme ini merupakan sebuah tingkah laku di mana seseorang pelajar memusnahkan atau merosakkan harta benda sekolah dengan sengaja yang berbentuk pelanggaran terhadap disiplin seperti menconteng dinding, menconteng meja, memecahkan cermin tingkap sekolah, dan banyak lagi yang melibatkan pelanggaran disiplin sekolah yang boleh mendatangkan kemudaratan terhadap pihak sekolah.

Vandalsme ialah satu aktiviti yang merosakkan keindahan dan keseimbangan alam serta merosakkan alam secara langsung atau tidak langsung (Soetomo, 1995).

Beliau berpendapat bahawa tingkah laku atau aktiviti vandalisme ini merupakan perbuatan yang patut dibenci oleh golongan masyarakat kerana mampu menjelaskan ekosistem yang ada di muka bumi ini. Goldstein (1996) menyatakan bahawa perbuatan vandalisme ini ialah pemusnahan yang berniat jahat atau disengajakan, iaitu dikehendaki oleh undang-undang di sesuatu kawasan. Perbuatan ini dianggap satu jenayah yang berat sehingga boleh dikenakan undang-undang yang berat. Terdapat satu pandangan dari Damayanti (2015) yang menyatakan bahawa vandalisme ialah tindakan menambah, mengalih keluar atau mengubah suai kandungan secara sengaja untuk mengurangkan kualitinya. Bagi beliau tindakan seseorang individu yang mengubah atau mengurangkan kualiti sesuatu barang atau objek itu dianggap satu kesalahan dan boleh diistilahkan sebagai vandalisme kerana perbuatan tersebut salah disisi undang-undang. Vandalisme ini juga memiliki jenisnya, ini jelas diperkatakan oleh dua tokoh iaitu Long dan Burke (2015) iaitu vandalimes ini terbahagi kepada beberapa jenis. Vandalisme yang pertama ialah *ideological ‘vandalism’* atau dalam bahasa Melayunya vandalisme ideologi iaitu adalah vandalisme yang dilakukan dengan sengaja untuk mencapai matlamat tertentu, contohnya untuk menyebarkan ideologi. Contohnya, memotong papan iklan, poster atau slogan politik yang dilekatkan pada dinding. Seterusnya, ‘*vindictive vandalism*’ atau vandalisme yang bersifat dendam iaitu sebuah vandalisme yang dilakukan sebagai membala dendam terhadap kejahanan. Sebagai contoh, sekumpulan kanak-kanak melemparkan batu ke arah tingkap jiran sehingga ianya pecah kerana jiran mereka sering memarahi mereka kerana bising atau mengganggunya. Jenis vandalisme yang seterusnya ialah ‘*malicious vandalism*’ atau vandalisme dengan berniat jahat iaitu di mana vadalisme ini merupakan vandalisme yang membuatkan

pelaku berasa puas sewaktu mengganggu kehidupan seseorang, pelaku vandalisme berasa terhibur apabila mereka berjaya memusnahkan harta benda orang lain. Contohnya, dengan sengaja mengecat kenderaan orang lain atau dinding rumah kerana pelakunya ingin melihat pemilik kenderaan atau rumah itu marah. Selain itu, jenis vandalisme seterusnya ialah '*aquisitive vandalism*' atau vandalisme akuisisi adalah satu perbuatan vandalisme yang bertujuan untuk mencuri wang atau harta benda daripada orang lain. Ini termasuk, sebagai contoh, pengiklanan, papan iklan, sepanduk, poster atau bentuk pemasaran lain yang merosakkan alam sekitar di sekeliling kita. Tactical vandalism atau vandalisme taktikal juga merupakan salah satu jenis vandalisme yang ada, vandalisme ini yang digunakan sebagai taktik untuk mencapai matlamat tertentu. Contohnya, mensabotaj mesin kilang untuk memendekkan baki hayat tempoh penggunaannya. Akhir sekali, jenis vandalisme seterusnya ialah '*play vandalism*' atau permainan vandalisme, vandalisme ini merupakan tindakan yang menunjukkan kemahiran pelaku dan tidak bertujuan untuk mengganggu orang lain. Contohnya, pelajar mengotorkan meja atau meja belajar di dalam kelasnya iaitu dengan mencontengnya.



Rajah 11: Gejala vandalisme

Sumber: Utusan Malaysia (2022)



Rajah 12: Durasi 25 minit 46 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)

Perbuatan vandalism ini bukanlah dianggap fenomena yang baru berlaku tetapi ianya dianggap sebuah gejala yang sangat rumit untuk dibendung. Ia juga sering kali dikaitkan dengan golongan remaja. Ini kerana, golongan remaja sangatlah mudah terpengaruh dengan sesuatu gejala atau budaya yang tidak sihat. Rajah 11 menunjukkan sebuah dinding di sesebuah bangunan yang diconteng oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini jelas diperakatakan di dalam akhbar Utusan Malaysia yang ditulis oleh Aqilah Mior Kamarulbaid (12 Februari, 2022). Menurut akhbar yang ditulis oleh wartawan tersebut menyatakan bahawa 80% vandalism dilakukan oleh golongan muda yang berumur antara 15 dan 20, 70% dan lebih banyak dilakukan oleh orang yang kurang pendidikan atau keciran sekolah, dan kebanyakannya berlaku dalam bentuk kumpulan, ini dinyatakan berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Menurutnya lagi, biasanya gejala ini dianggap sebagai satu bentuk jenayah, tetapi dalam keadaan tertentu vandalism juga merupakan jenayah ritual yang dilakukan kerana tidak berpuas hati dengan keadaan masyarakat dan untuk menghilangkan kebosanan. Walaupun budaya ini dianggap ringan, kerajaan terpaksa mengalami kerugian besar untuk membaiki kerosakan yang berlaku. Punca utama vandalism adalah pengaruh rakan sebaya, tetapi masalah keluarga dan kekurangan bimbingan yang sempurna daripada ibu bapa juga membawa kepada perbuatan keji ini kerana membala dendam dan keinginan untuk kebebasan. Oleh itu, remaja seharusnya dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Justeru, semua yang terlibat haruslah berganding bahu membanteras gejala vandalism yang semakin menjadi-jadi di kalangan remaja.

Rajah 12 di atas menunjukkan situasi yang terdapat di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* iaitu sebuah pondok telefon yang didakwa telah rosak akibat perbuatan individu yang tidak bertanggungjawab yang merosakkan pondok telefon awam tersebut. Watak yang bernama Husin cuba untuk membuat panggilan bagi mendapatkan bantuan tentang kejadian yang menimpa Kampung Pisang pada ketika itu, namun hajatnya terkubur setelah mendapati telefon awam yang dikatakan satu-satunya pondok telefon yang ada di kaampung tersebut. Dia merasa kecewa terhadap individu yang merosakkan pondok telefon awam sehingga menyukarkannya untuk membuat panggilan. Babak ini terdapat pada durasi 25 minit 46 saat. Oleh yang demikian itu, di sini kita dapat simpulkan bahawa filem *Zombi Kampung Pisang* memaparkan masyarakat yang terlibat dalam gejala vandalisme sehingga membuatkan masyarakat sekeliling merasa terbeban akibat perkhidmatan awam dirosakkan sehingga menyukarkan orang awam untuk menggunakan.

Dalam kerangka model cermin teori sosiologi, gejala vandalisme dalam filem "*Zombi Kampung Pisang*" boleh dianggap sebagai cerminan dinamik sosial dan rasa tidak puas hati terhadap norma masyarakat. Tindakan vandalisme boleh menjadi ekspresi kekecewaan terhadap ketidakadilan atau perasaan terasing dalam struktur sosial. Model cermin sosiologi membolehkan kita melihat fenomena ini sebagai cerminan konflik dan ketegangan dalam masyarakat fiksyen itu, di mana individu atau kumpulan cuba menunjukkan ketidaksepakatan mereka dengan norma yang sedia ada.

#### 4.3.4 Gejala Pembuangan Sisa Toksik

Sisa toksik merujuk kepada sisa yang mempunyai sifat fizikal, kimia atau biologi yang berbahaya kepada manusia dan alam sekitar dan boleh berlaku dalam jangka pendek atau panjang. Sisa toksik kebiasaannya mengandungi karsinogen, dan pendedahan melalui pelbagai laluan, seperti kebocoran atau penyejatan semasa penyimpanan, boleh menyebabkan kanser, yang menjadi semakin biasa pada orang yang terdedah kepada sisa toksik. Sisa toksik ditakrifkan sebagai sisa kimia yang menyebabkan pencemaran di lokasi atau kawasan tertentu (Kamus Dewan, 2022). Secara amnya, sisa toksik juga ditakrifkan sebagai sisa dalam bentuk pepejal, cecair atau gas yang mempunyai sifat toksik dan, secara bersendirian atau digabungkan dengan bahan lain atau jenis sisa lain, berbahaya kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Secara amnya, ketoksikan bahan buangan boleh ditentukan menggunakan dua kaedah. Yang pertama melibatkan penggunaan kaedah analisis makmal untuk memeriksa dan mengenal pasti sifat sisa toksik. Kaedah kedua adalah merujuk kepada inventori sisa terancang yang disediakan dan dikenal pasti oleh agensi tertentu seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS). Oleh itu, masalah pembuangan sisa toksik merupakan masalah serius di negara kita, namun ia diabaikan oleh masyarakat sekeliling. Masalah pembuangan sisa toksik akan membawa kepada masalah pencemaran alam sekitar yang serius. Penduduk tempatan merasakan banyak kesan, dan kesan ini boleh bertahan lama (Nur Afrina, 2022)

Punca pembuangan ini secara berleluasa disebabkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menguruskan sisa buangan yang dikeluarkan seperti di kilang yang membuang sisa toksik mereka ke dalam sungai sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran sungai dan juga berlaku pencemaran terhadap alam sekitar. Kebanyakan kilang dibina di sepanjang sungai untuk memastikan sisa buangan dibuang ke sungai. Namun, masalah timbul apabila cecair kimia yang dilepaskan ke dalam sungai tidak disucikan dan mengandungi bahan toksik yang mencemarkan air sungai. Ini berikutnya pembuangan sisa toksik yang berleluasa dan secara besar-besaran dari kilang, sehingga mencemarkan sungai dan menjelaskan ekosistem.

Pembuangan sisa toksik ini boleh mendatangkan kemudaratannya kepada kesihatan manusia dan boleh menyebabkan berlakunya kematian. Kesan pembuangan sisa toksik pada masa ini menyebabkan masalah besar kepada organisme hidup, termasuk manusia sendiri. Sisa toksik yang dibuang ke dalam sungai mengurangkan kandungan oksigen dalam air. Hidupan akuatik mati apabila mereka makan bahan toksik daripada sumber air yang tercemar. Orang ramai juga menjadi sakit teruk jika mereka memakan organisme akuatik, dan mereka juga boleh menjadi sakit teruk atau mengalami masalah kesihatan jika mereka minum atau menggunakan air yang tercemar. Selain daripada sisa dan najis yang dibuang ke dalam air juga menggalakkan pertumbuhan bakteria dan menjadi masalah kepada hidupan akuatik dan manusia sendiri. Bukan itu sahaja, ini juga boleh memberikan kesan terhadap sistem air bawah tanah. Loji kitar semula dan tapak pelupusan perlu dibina untuk bahan yang tidak boleh terurai. Bahan toksik seperti minyak kotor, plumbum dan sebagainya boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar. Pembuangan racun

perosak boleh mengakibatkan pencemaran air. Sesetengah kilang memperuntukkan kawasan untuk menyimpan sisa kilang. Walau bagaimanapun, apabila terdapat banyak hujan atau tumbuhan mereput, air sisa ini bocor dan menyebabkan dua masalah: Apabila air buangan ini naik ke permukaan, ia memasuki sistem saliran utama parit dan sungai. Masalah kedua ialah apabila air sisa ini memasuki sistem bawah tanah, ia mencemarkan sistem air bawah tanah. Kedua-dua masalah tersebut akan memudaratkan dan mencemarkan kehidupan manusia serta mengancam kesihatan air itu sendiri.



Rajah 13: Gejala pembuangan sisa toksik

Sumber: Berita Harian (2019)



Rajah 14: Durasi 1 jam 28 min 45 saat

Sumber: Filem *Zombi Kampung Pisang* (Youtube)

Rajah 13 di atas menunjukkan pencemaran yang berlaku terhadap sungai di Malaysia disebabkan oleh pembuangan sisa toksik yang disebabkan oleh individu yang tidak bertanggungjawab membuangnya ke dalam sungai. Isu ini diusulkan oleh Prof. Madya Dr. Maizatun Mustafa (15 Mac 2019) di dalam Berita Harian. Di dalam rajah itu juga menunjukkan sebuah sungai yang terletak di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor. Pencemaran tersebut mengakibatkan ratusan orang pelajar dan guru dari beberapa buah sekolah di sekitar, terpaksa menerima rawatan akibat terhadu gas toksik yang tersebar di udara. Kejadian ini sememangnya membimbangkan dan menimbulkan kemarahan dan kegusaran dalam diri masyarakat apatah lagi kesihatan

awam terutama di kalangan kanak-kanak yang boleh terdedah kepada risiko serius dalam jangka masa panjang. Pada masa ini, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 menyenaraikan 77 jenis sisa dalam bentuk cecair, pepejal dan enap cemar yang mengandungi bahan kimia, logam berat, sinaran, patogen berbahaya atau patogen toksik yang lain. Peraturan ini menggunakan pendekatan buaian ke kubur (iaitu, daripada pengeluar kepada pelupusan akhir) untuk mengesan sisa yang layak dan menyatakan bahawa sisa toksik hanya boleh dilupuskan di kemudahan yang diluluskan dan mesti menjalani proses terperinci. Pembuangan sisa toksik ini berlaku disebabkan pelaku ingin mengelakkan diri dari menggunakan kos. Pelaku ingin mengelakkan diri dari membayar atau dikenakan caj untuk melupuskan sisa toksik, ini juga termasuk dengan caj lesen. Terdapat juga pengeluar yang tidak bertanggungjawab dengan melepaskan sisa toksik itu ke tempat yang terbuka, si pelaku tidak menghiraukan kesan serius yang bakal dialami oleh masyarakat. Oleh itu jelaslah bahawa gejala pembuangan sisa toksik ini adalah gejala yang berlaku disebabkan sesetengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam melupuskan sisa toksik ke tempat yang betul. Akibatnya, ia mendatangkan kemudarat terutama kepada masyarakat sekeliling yang menerima kesan terhadap perbuatan tersebut.

Kritikan sosial atau sosiologi yang boleh dikupas sebagai perkaitan berkenaan dengan gejala pembuangan sisa toksik ini jelas ada di dalam babak akhir iaitu pada durasi 1 jam 28 minit 45 saat, iaitu di mana sekumpulan masyarakat menggunakan sisa toksik ke dalam gulai untuk dihidangkan kepada orang ramai. Rajah 14 menunjukkan peristiwa yang berlaku di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* iaitu di

mana seorang individu yang sedang menuangkan toksik ke dalam makanan sehingga menyebabkan penduduk yang singgah di warung yang terdapat di sebuah kampung itu menjadi zombi. Perbuatan tersebut dilakukan tanpa pengetahuan penduduk kampung itu sendiri sehingga membuatkan warung tersebut diselebungi oleh penduduk yang ditawarkan makanan percuma yang telah dicampurkan dengan sisa toksik. Di sini dapat disimpulkan bahawa watak yang sedang meembuang sisa toksik ke dalam makanan ini menggambarkan seseorang individu yang tidak bertanggungjawab membuang sisa toksik ke dalam sungai atau tempat terbuka sehingga menyebabkan masyarakat yang terkena kesan mengalami keracunan atau ketidakselesaan pada tubuh badan mereka sehingga sukar untuk bernafas.

Dalam perspektif model cermin teori sosiologi, gejala pembuangan sisa toksik dalam filem "*Zombi Kampung Pisang*" boleh ditafsirkan sebagai gambaran sikap acuh tak acuh terhadap alam sekitar dan mungkin mencerminkan sikap melulu terhadap norma sosial yang melibatkan tanggungjawab terhadap alam semula jadi. persekitaran. Model cermin sosiologi membolehkan kita melihat fenomena ini sebagai cerminan sikap atau tingkah laku dalam masyarakat fiksyen itu, yang boleh mencerminkan dasar atau keputusan yang memudaratkan alam sekitar dan kebajikan kolektif. Ini boleh dianalisis sebagai gambaran ketidakseimbangan dalam hubungan manusia dengan persekitaran mereka.

#### **4.4 Didik hibur yang terdapat di dalam filem Zombi Kampung Pisang dijadikan sebagai pengajaran.**

Kita tahu bahawa isitilah didik hibur ini adalah gabungan di antara dua perkataan iaitu didik dengan hibur atau hiburan. Didik ini merupakan satu kaedah untuk membentuk sikap manusia ke arah yang lebih baik manakala untuk hibur atau hiburan ini adalah suatu perkara yang menimbulkan perasaan seronok atau gembira dalam hati. Jadi dapat disimpulkan bahawa definisi didik hibur ialah sebuah kaedah untuk mendidik seseorang atau kanak-kanak dalam bentuk hiburan dan keseronokan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) mendefinisikan didik hibur sebagai aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi kelonggaran dan hiburan seperti permainan, nyanyian, bercerita, teater dan puisi secara sistematik dan terancang. Ini dinyatakan kerana pembelajaran tidaklah terlalu ketat dan tidak terlalu longgar tetapi sederhana iaitu dalam menuntut ilmu perlukan juga sedikit hiburan. Didik hibur menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan kerana merangkumi unsur keseronokan, jenaka, unsur estetika, permainan muzik, lakonan dan banyak lagi. Didik hibur dapat mengurangkan rasa takut dan kebimbangan pelajar terhadap guru kerana konsepnya santai dan menyeronokkan supaya pelajar sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif. Didik Hibur adalah pelajaran yang menyeronokkan kerana ia merangkumi unsur-unsur seperti permainan yang menyeronokkan, muzik, drama, nyanyian dan sebagainya. Ia juga mengurangkan perasaan cemas dan takut pelajar terhadap


pembelajaran mata pelajaran yang diajar. Malah, pendidikan melalui permainan mengandungi unsur hiburan dan keseronokan. Pelajar sentiasa mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran dan bermotivasi untuk belajar dalam kursus seterusnya. Selain itu, didik hibur juga merupakan kaedah pengajaran yang mengandungi banyak unsur menarik. Contohnya, unsur nyanyian dan lakonan boleh menggalakkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dan menyeronokkan di dalam kelas.

